

LAPORAN TAHUNAN

2015

BERANI BERBEZA, MEMAKNAKAN AUTONOMI

www.ump.edu.my



PENGURUSAN KUALITI DAN PRODUKTIVITI

PENGURUSAN KUALITI DAN PRODUKTIVITI

PELAN STRATEGIK UMP DAN PELAN STRATEGIK PENGAJIAN TINGGI NEGARA (PSPTN) 2011-2015

Pelan Strategik UMP 2011-2015 dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) merupakan dua instrumen utama yang digunakan oleh UMP untuk mengukur prestasi universiti dalam mencapai visinya menjadi sebuah universiti teknologi bertaraf dunia serta menilai sumbangannya kepada keperluan strategik pengajian tinggi negara.

Pelan Strategik UMP 2011-2015 telah menetapkan empat Bidang Keberhasilan Utama Universiti (UKRA) atau University Key Result Areas (KRA) iaitu Peningkatan Kualiti Akademik, Kelestarian Kewangan, Pembangunan Sosioekonomi dan Penjenamaan Untuk Penjajaran Strategik yang merangkumi 12 Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicators* (KPI).

Manakala sumbangan UMP kepada PSPTN pula diukur berdasarkan Projek Agenda Kritikal atau *Critical Agenda Projects* (CAPs) yang mengandungi 33 KPI. Secara keseluruhannya, kedua-dua instrumen pengukuran prestasi berkenaan melibatkan sejumlah 45 KPI.

Menjadi Sebuah Universiti Teknologi Pilihan Utama

First Choice Technological University

**Pelan Strategik UMP
2011-2015 (PS)**
UMP Strategic Plan 2011-2015

**Pelan Strategik
Pengajian Tinggi Negara (PSPTN)**
National Higher Education Strategic Plan

12 PETUNJUK PRESTASI UTAMA
12 Key Performance Indicators

45

33 PETUNJUK PRESTASI UTAMA
33 Key Performance Indicators

4 BIDANG KEBERHASILAN UTAMA UNIVERSITI

4 University Key Result Areas

- 1. Peningkatan Kualiti Akademik**
(Enhancement of Academic Quality)
- 2. Kelestarian Kewangan**
(Financial Sustainability)
- 3. Pembangunan Sosio-Ekonomi**
(Socio-economic Development)
- 4. Penjenamaan Bagi Penjajaran Strategik**
(Branding for Strategic Positioning)

3 BIDANG KEBERHASILAN UTAMA KEMENTERIAN

3 Ministry Key Result Areas

- 1. Peningkatan Kualiti Pengajian Tinggi**
(Enhancement of Higher Education Quality)
- 2. Sumbangan Ekonomi dan Kewangan**
(Economic and Financial Contribution)
- 3. Pembangunan Sosio-Ekonomi**
(Socio-economic Development)

Prestasi setiap KPI Pelan Strategik 2011-2015 UMP dan PSPTN diukur berdasarkan empat kategori pencapaian yang menggunakan kod warna dan peratusan berikut:



- hijau bagi tahap pencapaian melebihi 96 peratus;
- kuning bagi tahap pencapaian 61 peratus hingga 95 peratus;
- merah bagi tahap pencapaian kurang daripada 60 peratus; dan
- kelabu bagi KPI yang masih dalam peringkat pelaksanaan serta belum membuahkan hasil.

PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK UMP DAN PELAN STRATEGIK PENGAJIAN TINGGI NEGARA (PSPTN) BAGI TAHUN 2015


Pada tahun 2015, Pelan Strategik UMP mencatatkan pencapaian 8 KPI (67 peratus) di tahap hijau dan 4 KPI (33 peratus) lagi hanya mencatatkan pencapaian di tahap kuning. Manakala pencapaian PSPTN 2015 pula mencatatkan 31 KPI atau 94 peratus di tahap hijau dan 2 KPI atau 6 peratus pada tahap kuning.

Pada tahun 2014, Pelan Strategik UMP 2011-2015 mencatatkan pencapaian yang sama seperti tahun 2013 apabila 9 atau 75 peratus daripada 12 KPI merekodkan pencapaian di tahap hijau sementara 3 KPI atau 25 peratus berada di tahap kuning.

Manakala pencapaian PSPTN 2014 pula menunjukkan peningkatan yang sangat ketara berbanding tahun sebelumnya dengan 32 KPI atau 97 peratus daripada 33 KPI mencatatkan pencapaian di tahap hijau manakala 1 KPI atau 3 peratus sahaja yang berada di tahap kuning.


Pada 2014 juga, 2 KPI baharu PSPTN telah ditambah daripada sejumlah 31 KPI pada 2013 kepada 33 KPI. Pada tahun 2013, hanya 21 daripada 31 KPI atau 68 peratus mencapai tahap hijau, 7 KPI atau 22 peratus mencapai tahap kuning dan 3 KPI atau 10 peratus berada di tahap merah.

PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK UMP & PSPTN 2015



INDIKATOR PENCAPAIAN	KPI PELAN STRATEGIK	KPI PSPTN
> 96%	8	32
61% - 95%	4	1
< 60%	-	-
Dalam Pelaksanaan (N/A)	-	-
JUMLAH KPI	12	33

Details for KPI PSPTN:
 KRA 1: Graduan mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas bergraduasi
 KRA 2: Penjimatan Kos
 KRA 3: Sijil Perakuan Profesional
 KRA 4: Indeks Kepuasan Staf
 CAP: Kebolehpasaran Graduan (Peratus siswazah yang mendapat pekerjaan semasa konvokesyen)

Perbandingan Pencapaian Pelan Strategik UMP & PSPTN Bagi Tahun 2014 dan 2015**PENCAPAIAN MENGIKUT BIDANG KEBERHASILAN UTAMA UNIVERSITI (UKRA) 2015**

Pencapaian mengikut UKRA adalah seperti berikut:

- KRA1 merekodkan 4 KPI di tahap hijau dan 1 KPI di tahap kuning bagi Pelan Strategik 2011-2015 UMP manakala 14 KPI di tahap hijau dan 1 KPI di tahap kuning bagi PSPTN. Secara keseluruhannya KRA1 berjaya mencapai 18 KPI di tahap hijau dan 2 KPI di tahap kuning.
- KRA2 merekodkan 1 KPI bagi Pelan Strategik 2011-2015 di tahap hijau dan baki 1 KPI lagi hanya mencapai tahap kuning, manakala 14 KPI di tahap hijau bagi PSPTN. Keseluruhannya, KRA2 berjaya mencapai 15 KPI di tahap hijau dan hanya 1 KPI di tahap kuning.
- KRA3 mencatatkan 3 KPI di tahap hijau dan 1 KPI di tahap kuning bagi Pelan Strategik 2011-2015 dan bagi PSPTN, kesemua 4 KPI mencatat tahap hijau. Keseluruhannya KRA3 mencatatkan 7 KPI di tahap hijau dan 1 KPI di tahap kuning.
- KRA 4 pula hanya mempunyai 1 KPI yang mencatatkan pencapaian di tahap kuning.





PENCAPAIAN MENGIKUT KRA 2015

	KRA1		KRA2		KRA3		KRA4
PS	4	1	1	1	3	1	1
PSPTN	14	1	14		4		

PS	PSPTN
67% (9 KPI)	97% (32 KPI)
33% (3 KPI)	3% (1 KPI)

RINGKASAN PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK UMP BAGI TAHUN 2015

	KPI	PETUNJUK PRESTASI	2015		
			SASAR	CAPAI	
KRA 1	Pengambilan Pelajar Yang Berkualiti	1a(i)	Pengambilan pelajar mencapai PNGK 3.00	75%	74%
		1a(ii)	Pelajar MUET Band 3/ TOEFL 550/IELTS 5.5 dan ke atas	55%	75%
	Peningkatan Kompetensi Staf	1b(i)	Staf akademik berkelayakan PhD	60%	61%
		1b(ii)	Staf akademik mempunyai 5 tahun pengalaman industri / kelayakan profesional	30%	33%
	Graduan Berketerampilan	1c	Graduan yang mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas bergraduasi	80%	75%
KRA 2	Penjanaan Pendapatan	2a	Penjanaan Pendapatan (Termasuk Sewa & Geran Kerajaan) Penjanaan Pendapatan (Tidak termasuk Sewa & Geran Kerajaan)	30%	30% 20%
	Penjimatan Kos	2b	Penjimatan Kos	1.5%	1.15%
KRA 3	Pembangunan Modal Insan Profesional	3a(i)	Mendapat Sijil Profesional Per Pelajar	100%	70%
		3a(ii)	Program Khidmat Masyarakat	100%	99%
	Penuhuan Enterprais	3b(i)	Memberi pendedahan keusahawanan kepada warga UMP terutamanya golongan pelajar	500	504
		3b(ii)	Mendapatkan bilangan staf / pelajar/ IKS / PKS yang menjadi/menyertai program-program inkubator dalaman	7	10
KRA 4	Kepuasan Staf	4a(i)	Indeks Kepuasan Staf	90%	66%



 Dalam Pelaksanaan
  ≤ 59% Sasaran
  60-95% Sasaran
  ≥ 96% Sasaran

RINGKASAN PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK PSPTN 2015





BIL.	KPI	SASAR	CAPAI
ACADEMIA			
1.	Bilangan penerbitan yang dihasilkan secara perkongsian dan berpasukan	256	309
2.	Bilangan ahli akademik yang mendapat penganugerahan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa	100	102
2.	Bilangan ahli akademik yang dilantik menjadi Profesor Adjung/Profesor Pelawat	3	8
3.	Bilangan ahli akademik yang terlibat sebagai pakar rujuk/penasihat di peringkat kebangsaan/ antarabangsa	22	68
E-PEMBELAJARAN			
1.	Bilangan kursus IPTA dalam <i>Mod Blended Learning</i>	489	510
KEUSAHAWANAN			
1.	Bilangan siswazah/lulusan IPT menceburi bidang perniagaan selepas tamat pengajian	80	80
2.	Bilangan pelajar ijazah pertama dan diploma sepenuh masa (tidak termasuk pascasiswazah) terlibat dalam aktiviti pendedahan /pembudayaan keusahawanan selain daripada kurikulum	2,500	2,521
KEBOLEHPASARAN GRADUAN			
1.	Peratus siswazah yang mendapat pekerjaan semasa konvokesyen	80%	72%

 Dalam Pelaksanaan
  ≤ 59% Sasaran
  60-95% Sasaran
  ≥ 96% Sasaran




BIL.	KPI	SASAR	CAPAI
PEMBANGUNAN HOLISTIK PELAJAR			
1.	Bilangan Pemimpin yang berketrampilan dikalangan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) IPTA	27	27
2.	Bilangan program berteraskan University Community Engagement (UCE) yang dilaksanakan oleh IPTA	3	3
INDUSTRI DAN AKADEMIA			
1.	Peratus pendapatan yang dijana IPTA	12%	31.1%
PENGANTARABANGSAAN			
1.	Jumlah staf akademik antarabangsa di IPTA	89	101
2.	Bilangan enrolmen mahasiswa antarabangsa di IPTA (AKTIF)	500	687
3.	Bilangan enrolmen mahasiswa pascasiswazah antarabangsa di IPTA (AKTIF)	200	329
PROGRAM PEMINDAHAN ILMU			
1.	Bilangan Amalan Terbaik dalam Pemindahan Ilmu yang diterima pakai oleh Komuniti dan inovasi yang diterima oleh Industri, masing-masing	2	7
2.	Bilangan projek pemangkin/'Flagship' Pemindahan Ilmu dan Akademik yang dilaksanakan mengikut Bidang Tumpuan Utama (KRAs) Industri dan Komuniti	3	3
3.	Bilangan projek Pemindahan Ilmu dan Akademik dengan kerjasama Industri/ Komuniti	4	25

 Dalam Pelaksanaan
  ≤ 59% Sasaran
  60-95% Sasaran
  ≥ 96% Sasaran

BIL.	KPI	SASAR	CAPAI
PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT			
1.	Bilangan Program PSH di IPTA	84	1,111
2.	Bilangan peserta yang menyertai Program PSH (Program PSH Formal)	980	941
3.	Bilangan peserta yang menyertai Program PSH (Program PSH tidak Formal)	550	22,450
MyBRAIN15			
1.	Bilangan mahasiswa PhD (warganegara dan bukan warganegara, sepenuh masa dan separuh masa) yang bergraduasi dalam tempoh yang sepatutnya di IPTA	18	26
2.	Bilangan mahasiswa PhD (warganegara, sepenuh masa dan separuh masa) yang digraduasi oleh IPTA	10	16
3.	Bilangan staf akademik berkeelayakan PhD dan setaraf (warganegara dan bukan warganegara) di IPTA	280	361
4.	Enrolmen mahasiswa PhD dan setaraf di IPTA (warganegara)	183	282
PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN			
1.	Bilangan program yang melaksanakan sekurang-kurangnya 5 amalan pembelajaran berimpak tinggi yang menyokong HSD	24	28
2.	Jumlah bajet penyelidikan universiti yang diperuntukkan bagi penyelidikan dan inovasi dalam P&P	45000	93,281

 Dalam Pelaksanaan
  ≤ 59% Sasaran
  60-95% Sasaran
  ≥ 96% Sasaran

BIL.	KPI	SASAR	CAPAI
PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN			
1.	Bilangan produk R&D yang dikomersilkan pada tahun semasa	1	1
2.	Jumlah dana penyelidikan yang diperolehi IPT dari pihak antarabangsa pada tahun semasa	500,000.00	5,087,875
3.	Jumlah dana penyelidikan yang diperolehi IPT dari pihak swasta pada tahun semasa	500,000.00	23,583,482
4.	Bilangan harta intelek (IP) yang difailkan	50	62
5.	Bilangan penerbitan oleh universiti dalam jurnal yang diindeks	186	433
6.	Jumlah kumulatif sitasi dalam tempoh 5 tahun ke belakang	350	7,072
7.	Jumlah penjana pendapatan R&D&C daripada: i) Harta Intelek (IP) ii) Perundingan (konsultansi) iii) Khidmat Knowledge Transfer	1 juta	3,461,183

 Dalam Pelaksanaan
  ≤ 59% Sasaran
  60-95% Sasaran
  ≥ 96% Sasaran

Secara keseluruhannya, pencapaian UMP bagi tahun 2015 adalah di tahap amat memberangsangkan dengan 40 KPI atau 89 peratus daripada 45 KPI telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Jumlah KPI yang berada di tahap merah dan kelabu bagi pelan strategik & PSPTN juga telah berjaya dikurangkan ke paras sifar pada tahun 2015. Prestasi keseluruhan bagi tahun 2015 menunjukkan UMP berada dalam kedudukan yang kukuh dan di landasan yang betul untuk mencapai matlamat Pelan Strategik UMP 2011-2015 iaitu menjadi Universiti Teknologi Pilihan Utama.

AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI (AMALAN 5S)

Audit Amalan 5S dilaksanakan sebagai penilaian sendiri pelaksanaan Amalan 5S. Audit ini perlu dijadualkan berkala secara dalaman sama ada bulanan atau mingguan. Pengauditan ini diperlukan bagi memastikan setiap bahagian dalam organisasi mengetahui kekuatan yang ada dan membuat penambahbaikan secara berterusan terhadap pelaksanaan persekitaran berkualiti (Amalan 5S). Penilaian Audit Dalaman Amalan 5S dibuat secara tiga kategori iaitu:

Baseline Audit

Audit dilaksanakan pada peringkat jawatankuasa PTJ dan dijadikan input kepada Jawatankuasa Induk untuk mengenal pasti aktiviti yang harus dirancang sepanjang tahun.

Quarterly Audit

Audit berkala bagi memastikan budaya penambahbaikan berterusan sentiasa dipraktikkan dalam amalan persekitaran berkualiti UMP.

Spot Audit






Audit dilaksanakan dalam skala mini dan tidak berkala. Audit dilakukan tanpa notis dan hanya memfokuskan kepada kriteria yang lemah berdasarkan laporan *baseline audit* dan *quarterly audit*.


SKALA PENGUKURAN

SKALA WARNA	% SKALA	TAHAP	SYOR
	(91 – 100)	Sangat Baik	Kekalkan prestasi dan layak dicalonkan ke Persijilan MPC (tertakluk kepada prestasi audit).
	(71 – 90)	Baik	
	(51 – 70)	Sederhana	Tingkatkan prestasi dan beri tumpuan kepada elemen penambahbaikan.
	(31 – 50)	Lemah	Tingkatkan prestasi dan mengutamakan pematuhan kepada semua kriteria.
	(0 – 30)	Sangat Lemah	Persediaan peringkat minima dan harus menggerakkan aktiviti pembudayaan.

KEPUTUSAN QUATERLY AUDIT PTJ 2014 DAN 2015

KAMPUS GAMBANG


ZON DIAUDIT		ZON TIDAK MELAKSANA AUDIT			JUMLAH ZON
28		15			43
SKALA WARNA	% SKALA	JUMLAH ZON AUDIT	% CAPAI	TAHAP	SYOR
	(91 – 100)	5	18%	Sangat Baik	Kekalkan prestasi dan layak dicalonkan ke Persijilan MPC (tertakluk kepada prestasi audit).
	(71 – 90)	10	36%	Baik	
	(51 – 70)	11	39%	Sederhana	
	(31 – 50)	2	7%	Lemah	Tingkatkan prestasi dan mengutamakan pematuhan kepada semua kriteria.
	(0 – 30)	-	-	Sangat Lemah	Persediaan peringkat minima dan harus menggerakkan aktiviti pembudayaan.
JUMLAH		28	100%		



KAMPUS PEKAN

ZON DIAUDIT	ZON TIDAK MELAKSANA AUDIT	JUMLAH ZON
14	4	18

SKALA WARNA	% SKALA	JUMLAH ZON AUDIT	% CAPAI	TAHAP	SYOR
	(91 – 100)	2	14%	Sangat Baik	Kekalkan prestasi dan layak dicalonkan ke Persijilan MPC (tertakluk kepada prestasi audit).
	(71 – 90)	5	36%	Baik	
	(51 – 70)	3	21%	Sederhana	Tingkatkan prestasi dan beri tumpuan kepada elemen penambahbaikan.
	(31 – 50)	4	29%	Lemah	Tingkatkan prestasi dan mengutamakan pematuhan kepada semua kriteria.
	(0 – 30)	-	-	Sangat Lemah	Persediaan peringkat minima dan harus menggerakkan aktiviti pembudayaan.
JUMLAH		14	100%		



Pencapaian KPI Naib Canselor Berdasarkan KPI Menteri 2014 dan 2015 Berdasarkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN)

BIL.	PETUNJUK PRESTASI (KPI)	2014		2015	
		SASAR	CAPAI	SASAR	CAPAI
1.	Peratusan pelajar mendapat pekerjaan semasa konvokesyen.	80%	71.13%	80%	72%
2.	Bilangan penerbitan universiti dalam jurnal yang diindeks.	186	477	186	377
3.	Peratusan staf akademik berkelayakan PhD.	50%	57%	50%	61%
4.	Enrolmen Pelajar Pascasiswazah (postgraduates) Antarabangsa.	200 orang	239 orang	200 orang	317 orang
5.	Penarafan Institusi dalam a) SETARA	Tier 5 (SETARA'13)	Tier 5	-	-
	b) MyRA	3 Star >50%	2 Star	3 Star >50%	3 Star
6.	Jumlah pelajar antarabangsa	500 orang	499 orang	500 orang	687 orang
7.	Jumlah staf akademik antarabangsa	89 orang	93 orang	89 orang	101 orang
8.	Geran penyelidikan (RM) yang diperoleh IPT daripada: Antarabangsa Swasta	RM500,000	RM736,042	RM500,000	RM5,087,875
		RM500,000	RM3,145,000	RM500,000	RM23,583,482
9.	Bilangan program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) di IPTA.	84 program	203 program	84 program	1,099 program
10.	Peratusan pendapatan dibahagikan dengan belanja mengurus.	12%	29.6%	12%	31.1%

KRA 1 PENINGKATAN KUALITI AKADEMIK

Keupayaan untuk mencapai tahap piawai atau standard akademik yang memenuhi atau melayakkan UMP menjadi sebuah universiti teknologi bertaraf dunia melalui program akademik yang berkualiti, staf akademik yang berwibawa, perlengkapan fizikal yang baik, dan pengambilan pelajar yang terpilih.

KRA 1 PENINGKATAN KUALITI AKADEMIK

Pembangunan dan Pengembangan Akademik

Usaha berterusan sentiasa dilakukan dengan meningkatkan kualiti program akademik selari dengan bidang tujahan atau *niche* universiti. Program akademik yang ditawarkan sedia ada dan baharu melibatkan pihak industri bagi pemantapan kurikulum bagi memenuhi keperluan guna tenaga negara dalam pekerjaan di sektor awam dan swasta. Pembangunan dan pengembangan program akademik ini bertepatan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025.

28 Program

- Program akademik yang memenuhi amalan jasmani, emosi, rohani dan intelektual (JERI).
- 33 program terdiri daripada Diploma (5 program) dan Ijazah Sarjana Muda (28 program).

7 Program

Program Ijazah Sarjana (Kerja Kursus).

BILANGAN PROGRAM	PERKARA	PROGRAM TERLIBAT
13	Pengiktirafan Program Kejuruteraan Lembaga Kejuruteraan Malaysia (BEM) yang merupakan badan penandatanganan Washington Accord (WA).	BKC, BKB, BKG, BAA, BAE, BEE, BEC, BEP, BMM, BMA, BHM, BFF, dan BFM.
3	Perakuan Akreditasi Penuh oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).	<ul style="list-style-type: none"> • Ijazah Sarjana Sains (Rangkaian Komputer). • Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan. • Ijazah Sarjana Kejuruteraan Kimia & Perniagaan.
33	Perakuan Akreditasi bagi program pascasiswazah (Ijazah Sarjana & Ijazah Doktor Falsafah).	Semua Fakulti
1	Program Baharu	Ijazah Sarjana Kejuruteraan Industri

BILANGAN PROGRAM	PERKARA	PROGRAM TERLIBAT
3	Program Kawal Selia Muscat College, Oman.	<ul style="list-style-type: none"> • BCS-Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dengan Kepujian. • BCN-Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem Komputer & Rangkaian) dengan Kepujian. • BPP-Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Projek dengan Kepujian.
3	Kelulusan Program Separuh Masa IJAZAH SARJANA MUDA	<ul style="list-style-type: none"> • BKC-Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Kimia. • BEE-Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Elektrik (Elektronik). • BPS-Ijazah Sarjana Muda Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dengan Kepujian.
2	Kelulusan Program Separuh Masa DIPLOMA	<ul style="list-style-type: none"> • Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Industri). • Diploma Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Dahulu dikenali sebagai Diploma Keselamatan Pekerjaan, Kesihatan Industri dan Alam Sekitar).


109 PELAJAR
INBOUND

Program *Inbound* dan *Outbound* (Mobiliti Pelajar Berkredit)

	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	JUMLAH
Antarabangsa	-	-	-	-	3	10	36	28	77
Tempatan	-	-	-	-	-	21	4	7	32
JUMLAH KESELURUHAN	-	-	-	-	3	31	40	35	109

Nota: 77 orang pelajar luar negara (Jerman, Indonesia dan China).

103 PELAJAR OUTBOUND



	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	JUMLAH
Antarabangsa	2	5	1	-	3	6	25	39	78
Tempatan	-	-	-	-	-	12	3	10	25
JUMLAH KESELURUHAN	2	5	1	-	3	18	28	49	103

Nota:

78 orang pelajar ke luar negara (China, Indonesia, Mesir, Turki, Korea, Ireland, Jerman, dan Jepun).


25 orang pelajar tempatan ke Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM).

Penganugerahan dan Pengijazahan

Majlis Konvokesyen Ke-10 UMP telah berlangsung pada 17 dan 18 Oktober 2015. Konvokesyen pada kali ini menyaksikan seramai 2,553 graduan yang menerima ijazah. Berikut menunjukkan jumlah graduan mengikut peringkat pengajian.

Jumlah Graduan Mengikut Peringkat Pengajian

JUMLAH GRADUAN MENGIKUT PERINGKAT PENGAJIAN



*Termasuk graduan Diploma Eksekutif daripada UMP Advance Education Sdn. Bhd. (UAE)

Jaminan Kualiti Akademik

Sepanjang tahun 2015, sebanyak empat program yang telah melalui proses penilaian akreditasi oleh Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) menerusi Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) dan tiada program bukan kejuruteraan yang dinilai bagi tahun ini.

BIL.	NAMA PROGRAM	JENIS AKREDITASI	KEPUTUSAN
1.	<i>B. Eng (Hons.) Civil Engineering</i>	<i>New Cycle</i>	2015-2017
2.	<i>B. Eng (Hons.) Mechanical Engineering</i>	<i>New Cycle</i>	2015-2017
3.	B. Eng (Hons.) Mechanical Engineering (Automotive)	<i>Continuing</i>	2015-2017
4.	<i>B. Eng (Hons.) Mechatronic Engineering (Collaboration Programme with HsKA, Germany)</i>	<i>New Programme</i>	2015 - 2016

Latihan Industri

Bagi tahun 2015, seramai 2,021 orang pelajar telah mengikuti latihan industri dan daripada jumlah tersebut seramai enam orang pelajar pula telah berjaya menjalani latihan industri di luar negara seperti di Singapura, Indonesia, Korea, dan Kanada. Jadual berikut menunjukkan perincian pelajar yang telah mengikuti latihan industri di luar negara:

BIL.	NAMA INDUSTRI	NEGARA	JUMLAH
1.	Genome Institute of Singapore	Singapura	1
2.	Mackin Pte Ltd		1
3.	Horestco Industries Sdn. Bhd.	Indonesia	1
4.	Pt. Duta Manutung		1
5.	Smart Institute of Advanced Biomedical Science	Korea	1
6.	University of Waterloo	Kanada	1
JUMLAH KESELURUHAN			6




Latihan Industri (LI) Pelajar

10,503

2011-2015 (data LI)

LI memberi peluang kepada pelajar untuk mempraktik dan mengaitasikan teori yang mereka pelajari di universiti kepada situasi sebenar di alam pekerjaan



Manakala taburan LI bagi tahun 2015 menunjukkan 37% pelajar mengikuti LI di negeri Pantai Timur dan diikuti dengan 32% di negeri kawasan tengah, 14% negeri di utara dan 12% melibatkan negeri di kawasan Selatan. Sabah dan Sarawak pula mencatatkan jumlah pelajar yang sedikit mengikuti LI iaitu 5%.

Pelajar UMP juga digalakkan menjalani latihan industri di luar negara sebagai pendedahan utama.

72


Pelajar melaksanakan LI di luar negara (India, Korea, Singapura, Australia, United Kingdom, Israel, Belanda, China, Thailand, Arab Saudi, Turki, Yemen, Jepun, Jerman, Indonesia dan Kanada)

NEGARA	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	JUMLAH
INDIA	6			1					7
KOREA	2	1				1	2	1	7
SINGAPURA	1		2	3	2		1	2	11
AUSTRALIA	2								2
UNITED KINGDOM		1				2			5
ISRAEL		1							1
IBLAND			2						2
CHINA			1		13	5	4		23
THAILAND			1						1
ARAB SAUDI				1					1
YEMEN						1			1
JEPUN					1	1			2
JERMAN						4	3		7
INDONESIA								2	2
KANADA								1	1
JUMLAH KESELURUHAN	11	3	6	5	16	14	11	6	72




LATIHAN INDUSTRI PELAJR

Taburan industri mengikut negeri



3,722
Jumlah Industri



KAWASAN NEGERI	%
TENGAH	38.59
PANTAI TIMUR	21.90
SELATAN	16.90
UTARA	16.47
MALAYSIA TIMUR	6.25

Ekosistem Intellektual

PERSIDANGAN AKADEmia

Persidangan akademik merupakan satu program berprestij yang dijalankan bagi mengumpulkan maklumat penyelidikan terbaik di samping menjadi platform bagi para penyelidik membentangkan penemuan mereka. Sepanjang tahun 2015, sejumlah lapan persidangan akademik telah dilaksanakan masing-masing enam di peringkat antarabangsa dan dua dilaksanakan pada peringkat kebangsaan.

Senarai Program Persidangan Akademika

TARIKH	PENGANJUR	PROGRAM	KERJASAMA	PERINGKAT
24 dan 25 Januari 2015	Fakulti Pengurusan Industri (FPI)	NCON (<i>National Conference on Postgraduate Research</i>)	Institut Pengajian Siswazah (IPS), UMP	Kebangsaan
10 dan 11 Ogos 2015	Fakulti Pengurusan Industri (FPI)	ICoGOIA (<i>International Conference on Global Optimization and its Applications</i>)	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	Antarabangsa
18 dan 19 Ogos 2015	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	3rd <i>International Conference on Mechanical Engineering Research</i> (ICMER2015)	Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)	Antarabangsa
7 Oktober 2015	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	UTP-UMP <i>Symposium on Energy System 2015</i> (SES2015)	Universiti Teknologi Petronas (UTP)	Kebangsaan
6 dan 7 Oktober 2015	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	<i>International Workshop on Electrospinning: Research, Management and Commercialization</i>	Nanoscience and Nanotechnology Directorate (NND) of Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)	Antarabangsa
12 sehingga 14 November 2015	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	IMEC2015 (<i>2nd International Manufacturing Engineering Conference</i>) & APCOMS2015 (<i>3rd Asia-Pacific Conference on Manufacturing System</i>)	Fakulti Teknologi Industri, Institut Teknologi Bandung, Indonesia (ITB)	Antarabangsa
16 dan 17 November 2015	Fakulti Pengurusan Industri (FPI)	<i>Conference of AGBA (Academy for Global Business Advancement)</i>	AGBA (<i>Academy for Global Business Advancement</i>)	Antarabangsa
25 hingga 27 November 2015	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	<i>International Conference of Fluids & Chemical Engineering</i> (FluidsChE) 2015	Center of Excellence for Advanced Research in Fluid Flow (CARIFF)	Antarabangsa

Syaraham Umum Universiti

Syaraham Umum Universiti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2015 adalah Siri Syaraham Umum Antarabangsa dan Siri Syaraham Umum Profesor.

Siri Syaraham Umum Universiti

TARIKH	PEMIDATO	JAWATAN/INSTITUSI	TAJUK SYARAHAN
SIRI SYARAHAN UMUM ANTARABANGSA			
2 Jun 2015	Profesor Dr. Robin King	Emeritus Professor University of South Australia.	Engineering Technologists: Occupational Roles and Educational Formation.
SIRI SYARAHAN UMUM PROFESOR			
28 Mei 2015	Profesor Dr. Kamal Zuhairi bin Zamli	Dekan Penyelidikan, Jabatan Penyelidikan & Inovasi	Software Testing - Inspiration from Nature

Siri Syaraham Umum Universiti (2010-2014)

	2010	2011	2012	2013	2014	2015	JUMLAH
Antarabangsa	-	-	2	4	1	1	8
Kebangsaan	1	1	-	1	-	-	3
Profesor	1	1	5	3	3	1	14
JUMLAH KESELURUHAN	25	2	7	8	4	2	25

Jalinan Kerjasama Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK)

Tahun 2015 menyaksikan jumlah jalinan kerjasama bersama Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) meningkat sehingga 24 buah sekolah yang terdiri dari 12 sekolah rendah dan 12 sekolah menengah. Jalinan kerjasama ini membuktikan bahawa melalui pelaksanaan program kolaborasi secara berterusan yang dapat membantu SKK membangunkan modal insan cemerlang di samping mengembangkan potensi warga SKK dan membudayakan perkongsian pintar antara SKK dan UMP.

Hasil jaringan strategik UMP dengan sekolah kluster membuahkan hasil apabila pasukan Elixir Racing dari SMK Hajjah Kalsom dinobatkan johan apabila mengalahkan 30 buah pasukan dari seluruh Malaysia dengan meraih anugerah Penyelidikan dan Inovasi terbaik, Portfolio Enterprise terbaik dan persembahan terbaik dalam Pertandingan FI in Schools Malaysia National Finals 2015 yang diadakan di Dewan Sri Perdana, Kolej Automatif Antarabangsa (ICAM).



Dengan kejayaan ini, pasukan Elixir Racing yang terdiri daripada empat pelajar iaitu Fasya Husna Muhammad Uzir, Nur Nadia Mohamad Ramli, Siti Nadhirah Abdul Riza dan Muhammad Hakim Kamaruzzaman serta guru pengiring, Abdullah Osman layak menyertai pertandingan *F1 in Schools Technology Challenge World Final 2016* di Austin Texas United States of America. Sekolah ini juga berjaya menjadi johan dalam pertandingan *F1 in Schools* Peringkat Zon Timur setiap tahun mulai tahun 2012 sehingga tahun 2014 termasuk berjaya mewakili Malaysia di Austin Texas United States of America tahun 2013 dan menggondol tempat ketujuh dalam pertandingan kereta terpantas daripada 38 pasukan dalam pertandingan *F1 in School Technology Challenge World Final 2013*.



Staf Akademik Antarabangsa

Mempelbagaikan kepakaran tenaga akademik bagi meningkatkan daya saing.

KPI:

Staf akademik yang memegang pasport asing dan berkhidmat atau ditempatkan di Universiti Awam (UA) untuk tempoh masa tidak kurang dari tiga bulan.

TAHUN	2015
Akademik Antarabangsa	97
Staf Akademik Aktif	696
Peratus Pencapaian	14%

Pengantarabangsaan

Pengantarabangsaan merupakan Teras Kelima Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara bertujuan untuk memartabatkan IPT tempatan ke arah bertaraf dunia. Teras ini menyasarkan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa menjelang tahun 2020.

Enrolmen Pelajar Antarabangsa

KPI:

Mahasiswa sepenuh masa yang memegang pasport asing, mendaftar di IPTA dan mempunyai pas pelajar atau setaraf dengannya.

TAHUN	2015
Sasar	500
Capai	617

Enrolmen Pelajar Pascasiswazah Antarabangsa

Mahasiswa pascasiswazah sepenuh masa yang memegang pasport asing, mendaftar di IPTA dan mempunyai pas pelajar atau setaraf dengannya.

TAHUN	2015
Sasar	200
Capai	336

KPI ini mula diperkenalkan pada tahun 2013 oleh pihak PMO, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Promosi bersepadu berterusan digerakkan oleh Pejabat Antarabangsa (IO), Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) dan Institut Pengajian Siswazah (IPS) dengan kerjasama Marketing Regional Team (MRT) yang dilantik. Pelajar turut ditawarkan dengan Skim Siswazah iaitu *Doctoral Scholarship Scheme* dan *Graduate Research Scheme*.

KATEGORI	TAHAP PENCAPAIAN	2015
Prasiswazah	PIE	95
	Ijazah Sarjana Muda	186
Pascasiswazah	Sarjana	113
	PhD	223
JUMLAH KESELURUHAN		617

Jaringan Kolaborasi

Beberapa perjanjian ditandatangani UMP menerusi Memorandum Persefahaman (MoU), Memorandum Perjanjian (MoA) dan Non-Disclosure Agreement (NDA) bagi meningkatkan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pengkomersialan antara industri dan institusi tempatan serta luar negara. Di bawah adalah senarai perjanjian yang telah ditandatangani:

BIL.	INDUSTRI/INSTITUSI YANG TERLIBAT	PTJ YANG TERLIBAT	JENIS PERJANJIAN
1.	Sabah Economic Development & Investment (SEDIA).	Jabatan Penyelidikan & Inovasi (JP&I)	MoU
2.	Myenzyme Sdn. Bhd.	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	MoU
3.	Nanomalaysia Berhad.	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	MoU
4.	Cosway (M) Sdn. Bhd.	Jabatan Penyelidikan & Inovasi (JP&I)	MoU
5.	Malaysia Biotechnology Corp. Sdn. Bhd., Grasse Institute of Perfumery & UMP.	Pusat Kecemerlangan Bio Aromatik	MoU
6.	Imaspro Corporation Sdn. Bhd.	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alami (FKASA)	MoU
7.	Swansea University/East Cost Economic Region Development Council (ECERDC).	Jabatan Penyelidikan & Inovasi (JP&I)	MoU
8.	Yayasan Sabah	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	MoU
9.	Gaya Natural Sdn. Bhd.	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	MoU
10.	Eclimo Sdn. Bhd.	Jabatan Penyelidikan & Inovasi (JP&I)	MoU
11.	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).	Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	MoA
12.	Zen Consultant.	Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM)	MoA
13.	Isoplas Corporation Sdn. Bhd.	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	MoA
14.	Victorious Step Sdn. Bhd.	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	MoA
15.	Majlis Amanah Rakyat (MARA).	Jabatan Penyelidikan & Inovasi (JP&I)	MoA
16.	IHI Corporation/Chitose Laboratory Corporation.	Jabatan Penyelidikan & Inovasi (JP&I)	MoA
17.	IHI Corporation/Chitose Laboratory Corporation.	Jabatan Penyelidikan & Inovasi (JP&I)	MoA
18.	East Cost Economic Region Development Council (ECERDC).	Jabatan Penyelidikan & Inovasi (JP&I)	MoA

BIL.	INDUSTRI/INSTITUSI YANG TERLIBAT	PTJ YANG TERLIBAT	JENIS PERJANJIAN
19.	Universiti Malaysia Terengganu.	Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI)	MoA
20.	Indah Water Konsortium (IWK).	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Asli (FKASA)	MoA
21.	Evolva.	Pusat Kecemerlangan Bio Aromatik	MoA
22.	UMP Green Technology.	Jabatan Penyelidikan & Inovasi (JP&I)	MoA
23.	Petronas Chemicals MTBE Sdn. Bhd.	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	NDA
24.	Sri Medi Resources Sdn. Bhd.	Pusat Kecemerlangan Bio Aromatik	NDA
25.	Cosway (M) Sdn. Bhd.	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	NDA
26.	Eclimo Sdn. Bhd.	Jabatan Penyelidikan & Inovasi (JP&I)	NDA

Akademia

Ahli akademik adalah penting dalam usaha meningkatkan kecemerlangan sesebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan membentuk pelajar yang berketerampilan. Untuk menghasilkan modal insan dengan minda kelas pertama, setiap IPT perlu mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk menarik minat perhatian pelajar supaya berusaha ke arah kecemerlangan dan memberikan rangsangan kepada ahli akademik untuk terus menyampaikan ilmu pengetahuan. Di samping itu, hubungan rapat dengan industri dan kolaborasi antarabangsa melalui program pertukaran ahli akademik perlu ditingkatkan.

Penerbitan Jurnal Berindeks Secara Perkongsian/ Berpasukan

KPI:

Jurnal berindeks yang mempunyai sekurang-kurangnya terdiri daripada tiga penulis daripada sekurang-kurangnya dua buah fakulti/institusi/universiti.

TAHUN	2015
Sasar	256
Capai	309

Lantikan Profesor oleh Pihak Luar (Profesor Adjung/ Pelawat/Tamu)

KPI:

Bilangan ahli akademik yang dilantik menjadi Profesor Adjung/Profesor Pelawat.

OD:

Pelantikan sebagai Profesor Adjung dan Profesor Pelawat di dalam dan luar negara yang disokong oleh bukti pelantikan.

*Profesor Pelawat: Profesor yang menerima jemputan daripada sesebuah universiti dan mendapat ganjaran daripada universiti tersebut.

*(Ganjaran dalam pelbagai bentuk: honorarium, hospitaliti dan sebagainya.)

BIL.	NO. ID.	NAMA	PTJ	LANTIKAN	UNIVERSITI	TARIKH MULA	TARIKH TAMAT
1.	01436	Profesor Ir. Dr. Shah Nor bin Basri	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	Profesor Tamu	Kajeh Naser Toosi University of Technology, Iran.	13 Oktober 2012	19 Oktober 2015
2.	01177	Profesor Ir. Dr. Badhrulhisham bin Abdul Aziz	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	Profesor Pelawat	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	1 Januari 2014	31 Disember 2015
3.	01344	Profesor Madya Dr. Noor Azlinna binti Azizan	Fakulti Pengurusan Industri (FPI)	Profesor Adjung	International College of Automotive (ICAM)	16 Jun 2014	15 Jun 2015

Pakar Rujuk/Penasihat

KPI:

- Lantikan yang diperoleh staf akademik membuktikan bahawa kepakaran dan pengalaman mereka diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- Ahli akademik yang menjadi penasihat teknikal/akademik dalam sesebuah jawatankuasa/majlis/council dalam agensi kerajaan atau/dan pertubuhan antarabangsa.
- Ahli akademik yang menerima jemputan atas dasar kepakaran untuk menganggotai jawatankuasa rasmi di agensi-agensy peringkat kerajaan/negeri/pusat dan pertubuhan antarabangsa
- Ahli akademik yang dilantik menjadi editor bagi jurnal berindeks (Scopus, ISI, ERA)

TAHUN	2015
Sasar	22
Capai	68

Memperluas Reputasi dan Sanjungan Antarabangsa

Tahun 2015 UMP terus cemerlang dalam memperluas reputasi dan sanjungan antarabangsa berdasarkan kepada aktiviti jalinan kerjasama strategik luar negara melalui aktiviti penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) atau Perjanjian Program bersama beberapa institusi di Kazakhstan, China, Jepun dan Perancis.

MoU atau Perjanjian Program yang ditandatangani secara praktikal menyatakan persetujuan kedua-dua pihak membina hubungan kerjasama akademik dan penyelidikan secara terperinci yang menyumbang ke arah pelaksanaan agenda pengantarabangsaan universiti melalui aktiviti seperti Program Pertukaran Pelajar Inbound dan Outbound, Program Sangkutan Staf, Penyelidikan Bersama, Lantikan Profesor Tamu, Penganjuran Persidangan Antarabangsa, Penerbitan Jurnal dan sebagainya.

Jalinan kerjasama tersebut turut merupakan salah satu inisiatif terbaik dalam mengukuhkan jenama global UMP sebagai sebuah universiti teknologi bertaraf dunia dalam memastikan program akademik yang ditawarkan berdaya saing, bersifat futuristik dan berinovasi.

Senarai Perjanjian yang Ditandatangani Pada Tahun 2015

BIL.	NAMA INSTITUSI	TARIKH	KATEGORI
1.	Kansai University, Jepun.	8 Ogos 2015	Perjanjian Pertukaran Pelajar
2.	University Brawijaya, Indonesia.	12 Ogos 2015	Lol
3.	University of Nice Sophia Antipolis, Perancis.	9 Oktober 2015	MoU
4.	Suleyman Demirel University, Turki.	9 Disember 2015	MoU
5.	Al-Farabi Kazakh National University, Kazakhstan.	10 Disember 2015	MoU
6.	Kazakh Agrarian National University, Kazakhstan.	23 Oktober 2015	MoU
7.	Guizhou University of Engineering Science, China.	15 Disember 2015	MoU
8.	S. Seifullin Kazakh Agro Technical University, Kazakhstan.	27 Disember 2015	MoU


Membudayakan Persekitaran Antarabangsa

Peningkatan bilangan pelajar antarabangsa dalam kampus turut memberikan impak yang positif kepada hasrat universiti dalam melaksanakan agenda pengantarabangsaan negara. Kepelbagaian budaya dari kepelbagaian warganegara menyumbang kepada proses asimilasi budaya di antara pelajar tempatan dan antarabangsa seterusnya menyemai persekitaran antarabangsa di dalam kampus. Sehingga penghujung 2015, terdapat seramai 606 pelajar antarabangsa di UMP daripada 26 buah negara.

Statistik Pelajar Antarabangsa Mengikut Program Negara

PELAJAR ANTARABANGSA DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (DATA SEHINGGA 30 NOVEMBER 2015)				
BIL.	NEGARA	PROGRAM		
		PIE (ENGLISH)	PRASISWAZAH	PASCASISWAZAH
1.	Afghanistan			7
2.	Algeria			2
3.	Bangladesh	2	5	34
4.	Kanada		1	
5.	China	2	13	8
6.	Mesir	6	5	3
7.	Ethiopia			2
8.	Ghana			2
9.	India		1	26
10.	Indonesia	1	4	16
11.	Iran			4
12.	Iraq	13	12	87
13.	Jordan	2	4	9
14.	Kazakhstan	1		
15.	Libya	11		17
16.	Myanmar			2
17.	Nigeria			18
18.	Oman			2
19.	Palestin		1	3
20.	Pakistan		3	33
21.	Somalia	3	3	
22.	Sudan	8	9	18
23.	Syria	1	7	2
24.	Tanzania		1	
25.	Amerika Syarikat		1	
26.	Yemen	53	116	22

PELAJAR ANTARABANGSA UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP)



Pengalaman Global Pelajar Tempatan – Program Mobiliti

UMP memberi ruang dan peluang kepada pelajar memperkayakan pengalaman pembelajaran di peringkat global melalui penyertaan pelajar di dalam program mobiliti. Program Mobiliti pelajar UMP anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan Pejabat Antarabangsa mengetengahkan konsep Independent, Proactive dan Survival yang turut menzahirkan elemen kesukarelawanan, sains dan teknologi dalam setiap tugas projek ataupun penyelidikan pelajar yang dilaksanakan.

Penyertaan pelajar dalam program mobiliti memberi peluang kepada pelajar menimba pengalaman global yang menjurus ke arah pembangunan jati diri dan pemeraksanaan personaliti dan kemahiran insaniah berikutan kebolehpayaan survival di luar negara. Transformasi positif personaliti yang diperoleh membantu meningkatkan kredibiliti kebolehpasaran graduan pelajar.

Senarai Program Mobiliti Pelajar ke Luar Negara Berkredit (Program Pertukaran Pelajar)

BIL.	PROGRAM	BIL. PELAJAR	TEMPOH (SEMESTER)
1.	Program Pertukaran Pelajar ke Ningxia University, China.	17	1
2.	Program Pertukaran Pelajar ke Institut Teknologi Bandung, China.	2	1
3.	Program Pertukaran Pelajar ke Yildiz Technical University, Turki.	4	1
4.	Program Pertukaran Pelajar ke (JASO) Kansai University, Jepun.	2	1
5.	Program Pertukaran Pelajar ke Ningxia University, China.	17	1
6.	Program Pertukaran Pelajar ke Universitas Teknologi Yogyakarta, Indonesia.	4	1
7.	Program Pertukaran Pelajar ke Sakarya University, China.	4	1
8.	Program Pertukaran Pelajar ke University Brawijaya, Indonesia.	6	2 minggu

Senarai Program Mobiliti Pelajar Luar Negara ke UMP (Program Pertukaran Pelajar Berkredit)

BIL.	UNIVERSITI	BIL. PELAJAR	TEMPOH (SEMESTER)
1.	Karlsruhe University, Jerman.	1	1
2.	Ningxia University, China.	17	1
3.	Yamaguchi Universiti, Jepun.	15	1

Senarai Program Mobiliti Pelajar ke Luar Negara Tidak Berkredit 2015

BIL.	PROGRAM	BIL. PELAJAR	TARIKH (TAHUN 2015)
1.	Program Mobiliti Antarabangsa ke Negara ASEAN, Yogyakarta, Indonesia.	17	13 hingga 18 Ogos
2.	<i>Global Student Outreach</i> (GSO) di Vietnam.	12	15 hingga 19 Ogos
3.	Program Kemanusiaan di Hagnaya, Pulau Cebu, Filipina <i>Spread the Love & Knowledge</i> at Hagnaya, Filipina.	11	20 hingga 25 Ogos
4.	Komuniti Sosial dan Budaya Filipina.	11	22 hingga 27 Ogos
5.	ASEAN Community of Philippines.	13	7 hingga 12 Oktober
6.	Program Pengantarabangsaan Eksplorasi Ilmu di Thailand.	12	8 hingga 13 September
7.	Merentas Sempadan Memanifestasi Aspirasi, Sumatera Barat Indonesia.	10	12 hingga 17 September
8.	Kembara Ilmu Laos.	1	19 hingga 24 September
9.	Kembara Tingkah Budaya Nusantara 2.0.	11	19 hingga 25 September
10.	Lawatan Antarabangsa ke Thailand.	11	8 hingga 12 Oktober
11.	Kembara Inspirasi Vietnam.	9	25 hingga 29 Oktober
12.	Program Delegasi Akademik, Sosial dan Teknologi ke Vietnam 2015.	14	7 hingga 12 November
13.	ASEAN Community Program 2015-Cambodia	11	7 hingga 13 November

BIL.	PROGRAM	BIL. PELAJAR	TARIKH
14.	Program Around the World 2015: Route to Sustainable Water & Waste Management, Australia.	10	8 hingga 13 November 2015
15.	Program Around the World 2015: G-Cans; A Colossal Concrete Temple for World Class Underground Discharged Channel, Japan.	10	9-15 November 2015
16.	Lawatan Antarabangsa ke Laos.	14	19 hingga 24 November 2015

Pengalaman Budaya Tempatan Pelajar Antarabangsa

Penganjuran aktiviti bukan akademik kepada pelajar antarabangsa memberikan nilai tambah kepada pengalaman pelajar antarabangsa sepanjang pengajian mereka di Malaysia, khususnya UMP. Para pelajar berpeluang menimba pengalaman baharu melalui pendedahan kepada budaya dan adat resam masyarakat Malaysia di samping berpeluang mengenali lokasi bersejarah dan menarik di Malaysia. Aktiviti seperti ini turut menggalakkan penglibatan pelajar antarabangsa UMP bersama komuniti tempatan dalaman UMP mahupun luaran seterusnya memupuk persekitaran antarabangsa.

Aktiviti Pelajar Antarabangsa Sepanjang Tahun 2015

BIL.	NAMA PROGRAM	TARIKH
1.	Lawatan Kebudayaan ke Majlis Perkahwinan Adat Resam Melayu di Kuala Kubu Baru, Selangor.	7 Februari 2015
2.	Program Berbuka Puasa (IFTAR RAMADHAN).	1 Julai 2015
3.	Majlis Sambutan Hari Raya.	5 Ogos 2015
4.	Program Outdoor dan Aktiviti Kemasyarakatan Khidmat Komuniti bersama Persatuan Pemulihan Orang Cacat (PPOC) di Sungai Lembing, Kuantan.	30 Ogos 2015
5.	Program Homestay dan Khidmat Komuniti di Sungai Pasu, Raub, Pahang.	11 hingga 13 September 2015
6.	International Open Day.	28 Oktober 2015



Pemeriksaan Geran Penyelidikan Pengajaran & Pembelajaran

Tujuan utama pemberian geran ini adalah untuk memperhebatkan aktiviti penyelidikan dalam bidang pembelajaran dan pengajaran yang memenuhi konteks pendidikan yang lebih tinggi. Keutamaan akan diberikan kepada penyelidikan yang mampu memberi impak yang besar dan berkesan dalam mengubah atau membantu proses pembelajaran dan pengajaran. Penekanan juga diberikan kepada elemen kreativiti dan inovatif dalam penciptaan ilmu dan kaedah baharu yang mampu meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran seterusnya melahirkan graduan-graduan berketerampilan yang memenuhi atribut-atribut kebolehpasaran.

Skop/Bidang Penyelidikan - Berikut adalah skop/bidang inovasi yang diberi keutamaan Geran Penyelidikan P&P di UMP:

- Inovasi Kurikulum atau Kandungan (Contohnya: *Work-based Curriculum, Industry-based Curriculum, Self-Instructed Content*)
- Inovasi Strategi atau Teknik Pengajaran & Pembelajaran (Contohnya: Penggunaan *Teknik Fish Bowl, Think-Pair-Share, Muddiest Point*)
- Inovasi Aktiviti Pengajaran & Pembelajaran (Contohnya: e-Kerja Lapangan, Webinar)
- Inovasi BBM (Bahan Bantu Mengajar) (Contohnya: Penggunaan *Online Whiteboard, Web Sticky Notes, Web 2.0 Tools*)
- Inovasi Sistem, Perisian, Pakej atau Modul Pengajaran atau Pembelajaran (Contohnya, Simulasi atau *Serious Games, e-Mentor*, Modul Belajar-cara-belajar)
- Inovasi Alatan atau Gajet Pengajaran & Pembelajaran (Contohnya: Penggunaan *Tablet, Smart Phones, Learning Toolkit* dalam Pengajaran & Pembelajaran)
- Inovasi Penilaian dan Pentaksiran Pengajaran & Pembelajaran (Contohnya: Penilaian Berasaskan Portfolio, *Automated Essay Grading*)

Jumlah Kelulusan Geran Tahun 2015 - RM 93, 281.00.

Sasaran KPM adalah RM 45,000.00. Bajet yang diperuntukkan berdasarkan kelulusan geran dalaman daripada Jabatan Penyelidikan dan Inovasi.

Senarai Kelulusan Geran Tahun 2015 – 4 Projek

BIL.	NAMA	FAKULTI	TAJUK PENYELIDIKAN	BAJET YANG DILULUSKAN
1.	Dr. Saifful Kamaluddin bin Muzakir @ Lokman	FSTI	Interactive simulation package development for teaching and learning in solar cell technology	RM30,331.00
2.	Dr. Vitaliy Mezhuyev	IBM-FSKKP	Development of a Software Tool for Testing Parallel Computations	RM13,700.00
3.	Luqman Hakim bin Ahmad Shah	FKM	Vot: RDU 150384 Feasibility Study of Graphic Novels as Effective Supplementary Engineering Reference Books	RM27,250.00
4.	Yong Ying Mei	PBMSK	Vot: RDU 150390 Designing a Module for Chinese Proficiency Test (HSK) Level 1 (included listening CD) for Non-Chinese Learner	RM22,000.00
JUMLAH KESELURUHAN				RM93,281.00

Pusat Inovasi & Daya saing Akademik (CAIC) telah dipertanggungjawabkan oleh UMP untuk melaksanakan beberapa inisiatif ke arah menjadikan e-pembelajaran sebagai satu budaya yang menyokong P&P di UMP. Di antara inisiatif tersebut adalah:

- Penggunaan Sistem KALAM (*Knowledge & Learning Management System*);
- Pembangunan Kursus *Massive Open Online Course* (MOOC);
- Pembangunan Kursus *Open Course Ware* (OCW);
- Penglibatan UMP ke aktiviti /program e-Pembelajaran peringkat nasional; dan
- Penyediaan Manual dan Prosedur untuk Sistem Pengurusan Kualiti Akademik (AQMS), UMP.

Kalam

KALAM adalah sistem yang dibangunkan berasaskan kepada pelantar moodle untuk membantu Pengajaran & Pembelajaran secara e-pembelajaran yang lebih efektif dan interaktif di antara pensyarah dan pelajar. Selain itu, KALAM turut digunakan secara rasmi oleh UMP untuk mengukur KPI Mode Blended Learning (MBL) dalam CAP e-Pembelajaran PSPTN. Secara amnya pencapaian keseluruhan Mode Blended Learning (MBL) UMP CAP e-Pembelajaran PSPTN sehingga Disember 2015 adalah 55.24 peratus dan ia telah melebihi pencapaian yang disasarkan untuk tahun 2015 iaitu 50 peratus.

Pencapaian Cap e-Pembelajaran Bagi *Mode Blended Learning* Tahun 2015



Perincian Pencapaian Keseluruhan mengikut Fakulti.

BIL.	FAKULTI	PERATUS PENCAPAIAN KESELURUHAN
1.	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	59.68%
2.	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	55.13%
3.	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	55.17%
4.	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	58.25%
5.	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	48.86%
6.	Fakulti Pengurusan Industri (FPI)	66.67%
7.	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	51.46%
8.	Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP)	80.88%
9.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK)	69.77%
10.	Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	69.23%



KALAMPlus – Mengurus Pelaksanaan e-Learning di UMP

UMP terus menerapkan inovasi teknologi terkini dalam aktiviti pengajaran dan pengurusan pembelajaran. Salah satu inovasi yang dicipta untuk menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran dikenali sebagai KALAMPlus.

KALAMPlus adalah satu inovasi pengembangan yang bersepadu daripada sistem KALAM *E-Learning* UMP. Ia adalah satu sistem dashboard dengan pelbagai fungsi ciri yang direka untuk menyokong proses pembelajaran dalam talian. KALAMPlus digunakan staf UMP dan portal pelajar dengan ciri daftar masuk tunggal.

Dengan menggunakan *dashboard* KALAMPlus, pensyarah dapat memantau sendiri proses *Blended Learning* (BL), prestasi pengajaran dan kandungan bagi kursus yang diajar. Ini dapat membantu pensyarah mencapai status BL bagi kursus yang diajar dalam mana-mana semester. Sistem *dashboard* KALAMPlus juga dapat membantu pentadbir akademik memantau keseluruhan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara BL bagi setiap fakulti di UMP.

Produk inovasi sistem dashboard KALAMPlus ini berjaya memenangi pingat gangsa dalam penyertaan sulung pertandingan inovasi, *National University Carnival on E-Learning 2015* di Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 14 dan 15 Disember 2015.

SEMESTER 2 (SESI 2014/2015)					
Fakulti	Penemuan Kurikulum	Sasaran 50% SEMESTER 2 SESI 2014/2015	Pencapaian Bil.	Pencapaian Bil. (%)	Status
FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM & SUMBER ALAM	62	31	37	59.68%	Achieved
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK	79	39	43	55.13%	Achieved
FAKULTI KEJURUTERAAN KIMIA & SUMBER ASLI	87	44	48	55.17%	Achieved
FAKULTI KEJURUTERAAN MERANDAL	100	52	60	58.25%	Achieved

e-Pembelajaran

UMP meneruskan tradisi penyertaan ke Karnival NUCeL 2015 yang diadakan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS) bertempat di Dewan Sultan Azlan Shah, Proton City, Tanjung Malim pada 14 hingga 15 Disember 2015 lalu.

Karnival ini adalah acara tahunan yang bertujuan untuk mempromosikan e-Pembelajaran sebagai alternatif kepada kaedah Pengajaran & Pembelajaran (P&P) semasa di samping mengetengahkan teknologi dan inovasi terkini dalam era pembelajaran digital. Selain itu, Universiti Awam (UA) dan swasta, pemain industri, komuniti setempat dan luar juga dapat berkongsi best practices yang diamalkan di agensi masing-masing.

Karnival selama dua hari ini dirancakkan dengan beberapa aktiviti iaitu pertandingan *Innovation, Invention & Design in e-Learning (IIDeL)*, *courseware development*, *mobile apps*, *photography* dan *educational blogging*. UMP menghantar sebanyak 14 penyertaan bagi kategori IIDeL dan tiga penyertaan untuk kategori *courseware development*.

Penyertaan UMP kali ini berjaya meraih empat emas, dua perak dan lapan gangsa berbanding dengan tiga emas dan lapan perak dalam Karnival NUCeL 2014 yang lalu. Pencapaian Pingat emas UMP disumbangkan oleh projek berikut:

NAMA PROJEK	PESERTA	PTJ
<i>Lightweight Software Applications for Teaching of the Complete Software Testing</i>	Profesor Kamal Zuhairi bin Zamli	Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP)
<i>MyKOD</i>	Dr. Mazlina binti Abdul Majid	Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP)
<i>HS-SET: A Tool for Teaching of Combinatorial Testing</i>	Abdulrahman Ahmed Mohamed Alsewari	Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP)
<i>Trans-B: Apps for Youth Sustainability Rural Livelihood</i>	Imaduddin bin Abidin	Pusat Bahasa Moen & Sains Kemanusiaan (PBMSK)

COPO

Semua fakulti telah mengaplikasikan kaedah pencapaian pelajar berasaskan *Course Outcome Program Outcome* (COPO). Terdapat enam peringkat untuk pelaporan iaitu peringkat kursus, peringkat koordinator, peringkat pelajar, peringkat program, peringkat fakulti dan peringkat senat. Bagi tahun 2015, peringkat kursus, peringkat koordinator dan peringkat pelajar telah selesai.

PENGIKTIRAFAN ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI (AAU)

Objektif utama adalah untuk mengiktiraf jasa ahli akademik yang telah menonjolkan kecemerlangan dan kreativiti dalam pembelajaran & pengajaran bagi melahirkan pelajar yang cemerlang dan bersifat holistik. Anugerah yang didasarkan kepada Anugerah Akademik Negara ini mula diperkenalkan pada tahun 2009 melalui platform Anugerah Pensyarah Cemerlang.

TIGA KATEGORI - Anugerah Akademik Universiti adalah anugerah tahunan tertinggi yang merangkumi tiga kategori utama iaitu:

- Anugerah Pengajaran Cemerlang
 - Kejuruteraan
 - Sains Gunaan
 - Sastera/Sastera Gunaan dan Sains Sosial/Sains Sosial Gunaan
- Anugerah Inovasi: Pembelajaran Berpusatkan Pelajar
- Anugerah Inovasi: e-Pembelajaran

19 Pemenang

Anugerah Utama dan Hadiah Sanjungan sejak tahun 2009 sehingga 2014.

Penilaian

Pengajaran di dalam kelas serta penyediaan *Teaching Portfolio* serta *Teaching Folder* merupakan elemen terbesar yang menyumbang kepada sistem pemarkahan.

Hadiah Sanjungan Pengajaran

Mula diperkenalkan pada tahun 2011, anugerah ini tidak dipertandingkan. Walau bagaimanapun, panel juri berhak untuk memberikan Hadiah Sanjungan Pengajaran kepada finalis yang telah melepasi Penilaian Peringkat Akhir Anugerah Pengajaran Cemerlang. Seorang pemenang bagi setiap fakulti/pusat akan dipertimbangkan untuk menerima anugerah ini.

Versi Baharu

Sejak semakan kali kedua pada tahun 2011, AAU sekali lagi melalui proses semakan semula pada tahun 2015. Ini adalah merupakan salah satu usaha penambahbaikan dalam memastikan anugerah dan kriteria yang dibangunkan memenuhi kriteria Anugerah Akademik Negara. Perincian AAU versi baharu akan dimuktamadkan pada tahun 2016 seterusnya dilancarkan pada tahun 2017.



PEMBANGUNAN KURSUS MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC)

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Pengajian Tinggi (PT) 2015-2025 telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 7 April 2015 yang lalu. Ia bertujuan untuk mentransformasikan dan meningkatkan standard Pendidikan Tinggi Negara melalui 10 lonjakan yang telah dikenal pasti. Dalam menjayakan Lonjakan kesembilan iaitu Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global, PPPM (PT), pihak KPM telah memperkenalkan kursus *Massive Open Online Course* (MOOC) sejak 2014 yang lalu.

KPM juga telah mengarahkan semua Universiti Awam (UA) untuk membangunkan sekurang-kurangnya tiga kursus MOOC pada tahun 2015. Ketiga-tiga kursus tersebut dan pencapaiannya adalah seperti berikut:

KURSUS	PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	PENCAPAIAN TAHUN 2015
<i>Programming Technique</i>	Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP)	90%
<i>EEV Hybrid System</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	100%
<i>OSH Fundamentals</i>	Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK)	78%

Melalui pengenalan Kursus MOOC ini, UMP dapat mempromosikan kursus yang ditawarkan dengan menonjolkan keunikan yang terdapat di UMP. Selain itu, pendekatan ini membolehkan perkongsian ilmu pengetahuan boleh dilakukan bersama masyarakat luar dengan cepat, murah dan berkesan. Ini adalah kerana kursus yang dibangunkan akan dimuat naik di openlearning.com yang boleh diakses oleh semua pihak.

PEMBANGUNAN KURSUS *OPEN COURSE WARE (OCW)*

Selain daripada pembangunan kursus MOOC, KPM menerusi PPPM (PT) turut menggesa untuk membangunkan sekurang-kurangnya 20 kursus *Open Courseware (OCW)* di Universiti Awam (UA) yang bertujuan untuk mempromosikan kursus-kursus yang terdapat di UMP.

Mesyuarat Jawatankuasa e-Pembelajaran UMP Bil.3/2015 telah meminta pihak fakulti untuk mengenal pasti kursus-kursus yang bersesuaian bagi memenuhi kehendak ini. Bagi menjayakan kursus ini pihak CAIC (UIA) telah membuat pemantauan dan mengadakan bengkel bersesuaian. Malah, satu pelantar juga telah dibina untuk mengakses kursus ini di <http://ocw.ump.edu.my/>. Sehingga kini pencapaian keseluruhan pembangunan kursus OCW telah mencapai 64 peratus. Berikut adalah senarai kursus yang telah dikenal pasti dan pencapaiannya bagi tahun 2015:

BIL.	SUBJEK	FAKULTI	PENCAPAIAN TAHUN 2015
1.	<i>Engineering Mechanics</i>	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	Green
	<i>Food Engineering</i>	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	Red
2.	<i>Theory of Structures</i>	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	Yellow
	<i>Hydraulics</i>	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	Green
3.	<i>Renewable Energy</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	Yellow
	<i>Plastic Injection Technology</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	Green
	<i>Quality Engineering Management System</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	Green
4.	<i>Microprocessor</i>	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	Red
	<i>Power System Analysis</i>	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	Red
5.	<i>Electrical/ Electronic Engineering</i>	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	Green
	<i>Engineering Material</i>	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	Yellow
6.	<i>Green Technology</i>	Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK)	Green
	<i>Computer Integrated Manufacturing</i>	Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK)	Red
7.	<i>Project Management</i>	Fakulti Pengurusan Industri (FPI)	Red
	<i>Quality Management System</i>	Fakulti Pengurusan Industri (FPI)	Yellow

BIL.	SUBJEK	FAKULTI	PENCAPAIAN TAHUN 2015
8.	<i>Industrial Biotechnology</i>	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	
	<i>Instrumentation Method</i>	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	
	<i>Applied Statistics</i>	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	
7.	<i>System Analysis and Design</i>	Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP)	
	<i>Network Analysis and Design</i>	Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP)	

	Telah selesai
	Dalam proses (WIP)
	Belum dilaksanakan

MANUAL DAN PROSEDUR SISTEM PENGURUSAN KUALITI AKADEMIK (AQMS)

Pihak CAIC (UIA) telah berjaya membangunkan sebanyak 48 prosedur AQMS yang akan digunakan sebagai panduan dalam menguruskan hal ehwal akademik di fakulti UMP. Ia telah diluluskan oleh Mesyuarat Senat pada September 2015 dan satu sesi *mock audit* dirancang untuk diadakan pada tahun 2016 bagi memastikan ia dilaksanakan dan ditambah baik di Pusat Tanggungjawab (PTJ).

KRA 2 KELESTARIAN KEWANGAN

Organisasi yang mampu menguruskan pembangunan dan masalah kewangan yang tidak diduga pada masa mendatang tanpa perlu melakukan pengubahsuaian yang drastik dalam perbelanjaan dan pendapatan.

KRA 2 KELESTARIAN KEWANGAN

Tahun 2015 merupakan tahun yang memberangsangkan bagi persekitaran penyelidikan Universiti Malaysia Pahang (UMP). Banyak kerjasama dengan pihak industri berjaya dimuktamadkan serta kejayaan UMP dalam mendapatkan pelbagai geran antarabangsa merupakan satu petanda bahawa penyelidikan UMP makin mendapat perhatian pelbagai pihak. Selain usaha penyelidikan juga merupakan usaha tanpa jemu para pentadbir dalam membantu UMP untuk terus memacu kejayaan dalam bidang penyelidikan.

Geran Penyelidikan

Pencapaian UMP melalui perolehan geran penyelidikan dalam tahun 2015 adalah sesuatu yang dapat membanggakan. Perolehan dana daripada Geran FRGS, PRGS, NRGs, LRGS, RAGS, dan RACE banyak membantu dalam pencapaian KPI geran UMP. Selain itu, perolehan geran swasta dan antarabangsa dalam bentuk kewangan dan pemberian peralatan banyak membantu perkembangan dan kemajuan dalam bidang penyelidikan dalam kalangan warga UMP.

Jumlah Geran Penyelidikan Berdasarkan Fakulti Sepanjang 2015

FAKULTI/PTJ	RM
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	2,047,248.25
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	10,304,142.71
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP)	5,151,449.71
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	6,792,605.49
Fakulti Teknologi (FTeK)	1,296,869.73
Fakulti Pengurusan Industri (FPI)	1,074,939.25
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	1,219,307.79
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	1,955,316.00
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	6,639,850.09
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	3,778,563.03
Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC)	2,353,942.28
Pusat Kecemerlangan IBM	633,973.71
Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM)	504,854.55
Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Bendalir Termaju (CARIFF)	1,308,984.00
Pusat Kecemerlangan Bio Aromatik	893,780.00
Pusat Penyelidikan Nadir Bumi (RERC)	34,000.00

Geran Antarabangsa sepanjang 2015

PENYELIDIK	FAKULTI	AGENSI PEMBIAYA	RM
Profesor Madya Dr. Md. Maksudur Rahman Khan.	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA).	SABIC, King Abdulaziz University, Saudi Arabia.	13,099.00
Profesor Dr. Kamal Zuhairi bin Zamli.	Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP).	The Long-Term Comprehensive National Plan for Science, Technology and Innovation, Saudi Arabia.	47,885.54
Profesor Madya Dr. Kamarul Hawari bin Ghazali.	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE).	Ministry of Education and Culture, Indonesia.	5,000.00

Hadiah/Pemberian Sepanjang Tahun 2015.

HADIAH/PEMBERIAN	FAKULTI	AGENSI PENYUMBANG	BERNILAI (RM)
Dr. Abdulghani Ali Ahmed.	-Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP).	The World Academy of Science (TWAS).	5,245.56.
Profesor Madya Dr. Mohammad Dalour Hossen Beg.	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA).	The World Academy of Science (TWAS).	47,469.95.
Dr. Sumaiya binti Zainal Abidin @ Murad.	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA).	The World Academy of Science (TWAS).	16,897.80.
Dr. Mojgan Hojabri.	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE).	ETAP Company, California.	582,593.33.
Dr. Wan Mohd Faizal bin Wan Ishak.	Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM).	Aquatech Co. Ltd.	4,119,684.00.
Fadzil bin Mat Yahaya.	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA).	Tunas Arif Sdn. Bhd.	250,000.00.

Dana Penyelidikan Swasta Sepanjang 2015.

KETUA PROJEK	FAKULTI/PTJ	INDUSTRI	JUMLAH DANA (RM)
Dr. Wan Mohd Faizal Wan Ishak	Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM).	Zen Consult Sdn. Bhd.	80,000.00
Dr. Arun Gupta	Fakulti Kejuruteraan Kimi & Sumber Asli (FKKSA).	Isoplas Corporation Sdn. Bhd.	139,920.00
Dr. Farhan binti Mohd Said.	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Asli (FKKSA).	My Synergy Factors (M) Sdn. Bhd.	25,200.00
Dr. Fatmawati binti Adam.	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Asli (FKKSA).	My Synergy Factors (M) Sdn. Bhd.	30,093.00
Dr. Arun Gupta.	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Asli (FKASA).	Victorius Step Sdn. Bhd.	129,800.00
Dr. Mohamad Idris bin Ali.	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKKSA).	Kerajaan Negeri Pahang.	253,066.23
Idris bin Mat Sahat	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM).	Prematters Supply & Services.	39,203.10
Dr. Wan Mohd Faizal Wan Ishak	Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM).	Aquatech Co. Ltd. Japan.	95,700.00
Dr. Fathima Shahita.	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI).	Ozherb Sdn. Bhd.	40,500.00

KETUA PROJEK	FAKULTI	INDUSTRI	JUMLAH DANA (RM)
Dr. Rama Yusvana.	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI).	Kebun Kota Sdn. Bhd.	50,000.00
Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus.	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA).	MARA.	1,000,000.00
Noram Irwan Ramli.	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA).	East Cost Economic Region Development Council (ECERDC).	2,700,000.00

Pameran Penyelidikan & Inovasi

Sepanjang tahun 2015, UMP menghantar 51 projek penyelidikan untuk dipertandingkan pada pameran peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Objektif utama penyertaan adalah mempromosikan produk penyelidikan UMP kepada masyarakat umum dan memberi peluang kepada penyelidik untuk bertemu dengan pelbagai pihak dalam usaha untuk mempromosikan produk mereka.

Dengan penyertaan ke pameran yang disertai UMP pada tahun ini, penyelidik UMP telah berjaya memperoleh 61 pingat dan sepuluh Anugerah Khas.

FAKULTI	EMAS	PERAK	GANGSA	ANUGERAH KHAS
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	10	5	5	6
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	4	9	2	2
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	3	1	0	2
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	1	1	0	0
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	1	0	0	0
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP)	0	1	0	0
Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK)	1	2	1	0
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	1	1	0	0
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	1	0	1	0
JUMLAH KESELURUHAN	22	20	9	10

Harta Intelek Yang Didaftarkan Sepanjang Tahun 2014

Tahun 2015 menyaksikan beberapa harta intelek yang didaftarkan dengan pihak Perbadanan Harta Intelek (MYIPO). Selain itu, terdapat juga beberapa hak cipta yang dilindungi oleh Jabatan Penyelidikan dan Inovasi UMP. Kategori harta intelek yang baharu juga turut berjaya didaftarkan *Utility Innovation* dan beberapa lagi paten yang mendapat geran dari MYIPO dan USPTO.

Pencapaian Harta Intelek Sepanjang Tahun 2015

JENIS HARTA INTELEK	JUMLAH
Paten yang difailkan di Malaysia	23
Paten yang difailkan di luar negara	0
Paten yang mendapat geran	5
Hak cipta	28
Cap Dagangan yang difailkan	1
Reka Bentuk Industri	0
<i>Utility Innovation</i>	7

Jalanan Strategik Bersama Industri

Tahun 2015 juga turut menyaksikan perkembangan yang positif dan memberangsangkan dalam usaha UMP untuk melahirkan banyak produk yang berpotensi untuk dikomersialkan. Hasil usaha gigih usaha semua pihak, beberapa projek telah dikenal pasti mempunyai potensi untuk memasuki fasa pengkomersialan dan telah dibantu untuk mendapatkan rakan kerjasama dalam membangunkan dan memasarkan projek-projek tersebut. Jadual di bawah menunjukkan senarai projek dan rakan kerjasama yang telah dikenal pasti.

BIL.	TAJUK	INDUSTRI
1.	<i>Natural and Organic Lip Balm.</i>	UMP Holdings.
2.	<i>Flexible Dye-Sensitized Solar Modules</i>	Aussie Solar.
3.	<i>Production of Detect Free Graphene by Mechanochemical Exfoliation.</i>	Octech Sdn. Bhd.
4.	<i>Synthesis of Bioadhesive Using Rubber Latex and Rice Starch.</i>	Mieco Chipboard Sdn. Bhd.
5.	<i>Identification and Evaluation of Commercial Ready Products for Commercialization.</i>	Cosway (M) Sdn. Bhd.
6.	<i>Collaboration on Development of Incubator and Entrepreneurship in Sabah and Joint Research in Biotechnology.</i>	Sabah Economic Development and Investment Authorities (SEDIA).
7.	<i>Treatment of Wastewater Using UMP's Phytogreen Technology.</i>	Ranhill Utilities Sdn. Bhd.
8.	<i>Commercialization of UMP's PISOPTERA Technology.</i>	Imaspro Resources Sdn. Bhd.
9.	<i>Collaboration in R&D of Patchouli Oil and Development of Its Market.</i>	Gaya Naturals Sdn. Bhd.

BIL.	TAJUK	INDUSTRI
10.	<i>Development of Incubator for Halal Gelatin.</i>	Majlis Amanah Rakyat (MARA).
11.	<i>Exploring Collaboration in Commercialisation of UMP's 'Keratin' and 'Dialclean'.</i>	Johor Corporation Berhad.

Penerbitan Mengikut Fakulti Bagi Terbitan 2015

Berikut adalah penerbitan mengikut fakulti yang telah diterbitkan oleh Penerbit UMP sepanjang tahun 2015. Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan dan kesedaran dalam kalangan pensyarah untuk menerbitkan hasil karya ilmiah mereka.

Penerbitan Mengikut Fakulti Bagi Tahun 2015

BIL.	FAKULTI	BILANGAN TERBITAN
1.	Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	13
2.	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	12
3.	Fakulti Pengurusan Industri (FPI)	4
4.	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	5
5.	Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP)	4
6.	Fakulti Kejuruteraan Alam & Sumber Alam (FKASA)	5
7.	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	2
8.	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	1
9.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK)	2
10.	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	0
11.	Lain-lain	2
JUMLAH KESELURUHAN		51


Penerbitan Mengikuti Kategori

Penerbit UMP telah berjaya menerbitkan sebanyak 51 penerbitan sepanjang tahun 2015. Penerbitan tersebut merangkumi penerbitan karya asli, jurnal, monograf, syarahan umum dan modul/manual/buku teks. Jadual di bawah adalah penerbitan mengikut kategori.

Penerbitan Mengikut Kategori Bagi Terbitan Tahun 2015.

KATEGORI						JUMLAH
BUKU	MODUL/ BUKU TEKS/ MANUAL	MONOGRAF	SYARAHAN UMUM	PROSIDING	JURNAL	
14	20	1	1	2	13	51

Peratusan Penerbitan Mengikut Kategori Bagi Terbitan Tahun 2015.




Pendapatan Penerbit UMP 2015

Penerbit UMP telah menyumbang pendapatan kepada universiti melalui jualan buku dan inisiatif pembangunan *e-Book* Penerbit UMP yang telah dilancarkan pada November 2012. Terbukti *e-Book* terus menyumbang pendapatan yang lumayan kepada universiti semenjak ia mula diperkenalkan.

Pendapatan Penerbit UMP Sepanjang Tahun 2015

BIL.	BULAN	JUALAN BUKU (RM)	JUALAN EBOOK (RM)	KURSUS/ BENGKEL (RM)	PENDAPATAN (RM)
1.	Januari	147.50	-	-	147.50
2.	Februari	717.50	-	-	717.50
3.	Mac	25,707.30	-	-	25,707.30
4.	April	14,310.25	-	-	14,310.25
5.	Mei	17,775.19	-	-	17,775.19
6.	Jun	14,072.15	2,350.00	-	16,422.15
7.	Julai	12,052.10	1,094.70	-	13,146.80
8.	Ogos	25,556.80	-	-	25,556.80
9.	September	14,601.60	49,550.00	-	64,151.60
10.	Oktober	46,081.35	-	-	46,081.35
11.	November	14,063.20	-	-	14,063.20
12.	Disember	12,069.05	-	-	12,069.05
	JUMLAH KESELURUHAN	197,153.99	52,994.70	-	250,148.69

Pecahan Pendapatan Penerbit UMP Sepanjang Tahun 2015.



Al-Majallah menang Anugerah Buku Negara 2015

Kandungan yang padat, informatif serta penulisan yang berstruktur melayakkan buku Al-Majallah: Panduan Syariah; Institusi Kewangan Islam memenangi Anugerah Buku Negara 2015 bagi Buku Umum Terbaik kategori Undang-Undang yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 25 November 2015. Buku terakhir yang ditulis oleh mantan Dekan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Allahyarham Profesor Dr. Abd Jalil Borham adalah mengenai peraturan dan undang-undang institusi kewangan Islam yang mematuhi syariah. Buku tersebut diambil dari Panduan Syarak oleh Ahli Jawatankuasa Syariah Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMP) dan Majalah Ahkam Johor: Kod Undang-Undang Sivil Islam Kerajaan Johor 1331H/1913M yang telah diselenggarakan oleh Allahyarham.

Buku ini juga mampu memudahkan pembaca memahami dengan lebih terperinci isi kandungan yang terdapat dalam buku *Majallah al-Ahkam-al `Adliyyah* yang ditulis ketika zaman pemerintahan kerajaan Turki Uthmaniyah.



Prapengkomersialan dan Pengkomersialan

Setiap tahun, Pejabat Pemindahan Teknologi (TTO) akan diberikan peruntukan untuk membantu dan menayakan Projek-projek Prapengkomersialan UMP melalui Geran Prapengkomersialan. Pada tahun 2015, TTO menerima peruntukan daripada universiti sebanyak RM 250,000.00 untuk diberikan kepada projek-projek R&D UMP yang berpotensi untuk dikomersialkan.

Geran Pra-Pengkomersialan.

BIL.	PRODUK	KETUA PROJEK	NILAI GERAN (RM)
1.	<i>Natural and Organic Lip Balm.</i>	Dr. Norashikin binti Mat Zain (FKKSA).	25,000
2.	<i>Flexible Dye-Sensitized Solar Modules.</i>	Profesor Dr. Jose Rajan (FIST).	10,000
3.	<i>Double Guided Roller Jigsaw Tablet (DGTab).</i>	Dr. Hadi Manap (FTeK).	20,000
4.	<i>Production of Natural Antibacterial Hand Sanitizing Gel.</i>	Profesor Dr. Mimi Sakinah binti Abdul Munaim (FTeK).	40,000
5.	<i>Production of Detect Free Graphene by Mechanochemical Exfoliation.</i>	Profesor Madya Dr. Kamal bin Yusoh (FKKSA).	60,000
6.	<i>Mengkuang Leaf Cutter Machine.</i>	Ahmad Fitri bin Yusop (FKM).	6,000
7.	<i>Synthesis of Bioadhesive Using Rubber Latex and Rice Starch.</i>	Dr. Arun Gupta (FKKSA).	20,000
8.	<i>Energy Efficient Device for Lighting and Fans.</i>	Dr. Mohamad Fadhil bin Abas (FKEE).	69,000

Lima Produk penyelidikan UMP Berjaya Dikomersialkan Pada Tahun 2015

BIL.	PRODUK	PENDAPATAN (RM)
1.	<i>Recycling of Base Oil from Spent Lubricant</i>	1,782,055.10
2.	<i>Pisoptera</i>	289,205.00
3.	<i>Asarfonts</i>	32,505.00
4.	<i>Green BRICKS</i>	112,223.00
5.	<i>Home Detergent</i>	7,898.90

UMP Commercialization Seedfund

Bermula tahun 2013 sehingga 2015, TTO telah diberikan mandat untuk menguruskan dana baharu iaitu UMP *Commercialization SeedFund* yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Kali Ke-79, Bil 7/2013 pada 28 Ogos 2013. Tujuan utama dana ini ialah untuk membantu projek-projek yang bertaraf prapengkomersialan untuk memasuki fasa terakhir iaitu pengkomersialan. Jadual di bawah menunjukkan projek yang telah dianugerahkan dana daripada peruntukan tersebut dari tahun 2013 hingga 2015.


BIL.	NAMA PROJEK	TAHUN	KETUA PROJEK	NILAI GERAN
1.	<i>Spent Catalyst Treatment Facilities.</i>	2013	Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus (FKKSA).	80,000.00
2.	<i>PISOPTERA.</i>	2014	Encik Abdul Syukor bin Abd. Razak (FKKSA).	143,411.08
3.	<i>ASARFONTS.</i>	2015	Encik Asar Abdul Karim (PBMSK)	54,000.00
4.	<i>DIALCLEAN.</i>	2015	Profesor Dr. Zularisam Abd Wahid (FTeK)	147,650.00

Pembangunan Taman Bio Aromatik Negeri Pahang

UMP dengan kerjasama East Coast Economic Region (ECERDC) akan membangunkan tanah seluas 180 ekar di Maran sebagai Taman BioAromatik Negeri Pahang. Sebagai permulaan, ECERDC telah bersetuju untuk memberikan dana bernilai RM 500,00.00 kepada UMP untuk membangunkan sebuah plot percubaan (*trial plot*) tanaman herba nilam di tapak Projek Taman BioAromatik Negeri Pahang.

Plot percubaan tersebut penting bagi memastikan pembangunan Taman Bio Aromatik Negeri Pahang ini berjaya mencapai objektif penubuhan. Sehubungan itu, beberapa penyelidikan awal perlu dijalankan bagi mengenal pasti kepelbagaian, kesesuaian dan pengeluaran tanaman nilam yang akan ditanam di tapak pembangunan tersebut.

Plot Percubaan ini adalah seluas dua hektar iaitu merangkumi ruang pejabat, kediaman pekerja, stor peralatan, ruang kerja, tapak semaian, dan tapak tanaman nilam. Kerja-kerja pembangunan plot percubaan ini dijangka dimulakan selewat-lewatnya September 2015.



Perpustakaan


Tahun 2015 merupakan tahun terakhir bagi Pelan Strategik UMP 2011-2015 sebelum melangkah ke fasa baharu 2016-2020. Dalam usaha merealisasikan pelan strategik tersebut, perpustakaan meletakkan matlamat utama iaitu menjadi sebuah institusi keilmuan yang dinamik, relevan dan dihormati. Dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti dan memenuhi keperluan maklumat pengguna yang semakin mencabar, perpustakaan UMP terus komited dan kreatif melalui sistem penyampaian yang relevan, cekap dan tepat.

Bilangan Artikel Jurnal dan Prosiding Yang Diindeks dan Jumlah Sitasi Lima Tahun Kebelakang

Perpustakaan bertanggungjawab terhadap analisa data-data akademik dan sitasi yang dijana melalui *SCOPUS* atau *Web of Science (WOS)* bagi penerbitan yang diindeks manakala data-data tidak berindeks melalui *UMPIR*. Analisa penerbitan akademik dan penyelidikan serta sitasi ini penting dalam mengukur kualiti dan kuantiti aktiviti ilmiah dan penyelidikan UMP.

Bilangan Penerbitan dan Sitasi


Sumber : SCOPUS, WOS
dan UMPIR



Peningkatan sebanyak 54 peratus bagi jumlah sitasi 2015 berbanding 2014, manakala penerbitan dalam SCOPUS dan WOS juga meningkat kepada 14 peratus. Jumlah penerbitan tidak berindeks yang dimasukkan dalam UMPIR mengalami sedikit penurunan sebanyak 15 peratus pada tahun 2015 berbanding 2014.

Bilangan Pengunjung UMPIR, EZPROXY dan IPORTAL serta Bilangan Pengguna Perpustakaan Fizikal

Jumlah Pengunjung Maya dan Juga Fizikal




Peningkatan ketara pada penggunaan perpustakaan UMP sama ada melalui kunjungan fizikal mahupun maya tahun 2015 berbanding 2014. Ini menunjukkan perpustakaan sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada warga UMP.

Data Peminjaman Bahan dan Pengaksesan Pangkalan Data

Dalam usaha memperkasa peningkatan kualiti akademik UMP, Perpustakaan sentiasa menyediakan koleksi yang relevan dengan keperluan UMP. Ini dapat dibuktikan dengan peningkatan sebanyak enam peratus pada tahun 2015 berbanding 2014 jumlah peminjaman bahan monograf dan pengaksesan pangkalan data komersial yang dilanggan oleh perpustakaan.

Jumlah Penggunaan Koleksi



Persidangan Kebangsaan Perpustakaan Akademik (NCOAL) 2015

Perpustakaan UMP telah menganjurkan Persidangan Kebangsaan Perpustakaan Akademik (NCOAL) 2015 yang diadakan pada 17 dan 18 Mac 2015 di Hotel M.S Garden, Kuantan. Persidangan yang dihadiri peserta dari dalam dan luar negara merangkumi 17 Universiti Awam (UA) dan 15 Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS). Dengan tema 'Ke Arah Penarafan Universiti' membuktikan matlamat untuk menaikkan *ranking* institusi masing-masing menjadi keutamaan agar ianya setanding dengan universiti yang berprestij.



KRA 3 PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI

Sumbangan UMP kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara dengan melahirkan individu dan profesional unggul yang bersesuaian dengan keperluan guna tenaga negara, di samping menyediakan infrastruktur yang relevan dan peluang pembelajaran kepada masyarakat umum

KRA 3

PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)

Tatkala Malaysia mengorak langkah ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, permintaan terhadap pekerja berkemahiran tinggi akan terus meningkat. Di samping itu, Malaysia memerlukan penduduk dewasa yang mempunyai akses kepada peluang pendidikan yang berkesan dan berterusan. Lonjakan ini meneruskan kemajuan awal yang telah dibuat sejak Pelan Induk Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dilancarkan pada 2011.

UMP Advanced Education (UAE) menyahut seruan kerajaan untuk membudayakan amalan pembelajaran sepanjang hayat ke dalam masyarakat Malaysia untuk mewujudkan pembelajaran dan pembelajaran semula sebagai unsur penting dalam budaya dan cara hidup Malaysia. Hasrat ini dicapai melalui penawaran kursus jangka pendek, program profesional/eksekutif, separuh masa dan jarak jauh yang ditawarkan melalui kolaborasi pintar rakan kerjasama dalaman dan luaran UMP.

UMP menerusi UAE yang dahulu dikenali Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) mula beroperasi pada 1 April 2014. UAE bertindak sebagai pemangkin dalam usaha UMP untuk memberi peluang latihan, latihan semula, peningkatan kemahiran dan pembangunan latihan profesional kepada masyarakat dan industri setempat dan selaras dengan agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 (Lonjakan 3).



Penyedia Latihan Profesional Yang Diiktiraf :



Dalam bidang penyelidikan pula, Malaysia telah mencapai 3.1 kali ganda peningkatan hasil penerbitan dari tahun 2007-2012; 4 kali ganda bilangan sitasi (*citations*) dari tahun 2005 hingga 2012; dan jumlah hasil pendapatan yang dijana oleh universiti-universiti Penyelidikan Malaysia sebagai penyedia penyelesaian atau *solution provider* kepada industri, agensi dan lain-lain mencecah RM1.25 billion.

Bilangan Program PSH yang Ditawarkan 2014 - 2015



Bilangan Peserta PSH formal dan tidak formal yang dilatih bagi tahun 2014-2015



PROGRAM YANG DITAWARKAN		JUMLAH
Program Pembangunan Profesional	Jangka Pendek	130
	Badan Pengiktirafan	53
Program Pengajian Berterusan	Separuh Masa	5
	Eksekutif/Profesional	36

Separuh Masa

IJAZAH SARJANA MUDA	<ul style="list-style-type: none"> • Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) • Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem Komputer & Rangkaian) dengan Kepujian • Sarjana Muda Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Dengan Kepujian
DIPLOMA	<ul style="list-style-type: none"> • Diploma Kejuruteraan Mekanikal • Diploma Kejuruteraan Kimia (Loji Proses)

Eksekutif/Profesional

PROGRAM	BIL. PROGRAM
Sijil	2
Diploma Profesional	25
Bachelor Eksekutif	4
Master Eksekutif	5


Sumbangan UAE Kepada KRA




Peneraju Pembelajaran Sepanjang Hayat



UAE Menyokong Dasar Pembangunan Ekonomi Nasional



TABURAN RAKAN KERJASAMA UAE





empower ECER Mahkota

Inisiatif *Empower ECER Mahkota* Kuala Pahang diilhamkan oleh Canselor UMP, KDYTM Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah sejak 2011 yang menyasarkan pembangunan akademik dan kemahiran masyarakat setempat khususnya di Mukim Kuala Pahang, Pekan dan Daerah Pekan, Pahang.



BILANGAN PESERTA DILATIH 2014-2015

5,643 orang
bilangan yang dilatih




2,282
(2014)

3,361
(2015)

47%
Peningkatan

Nilai Projek *EMPOWER* ECER Mahkota dan Latihan Kemahiran

Di bawah program ini, UAE melatih belia-belia sekitar Daerah Pekan, Pahang untuk mengikuti program latihan kemahiran. Program ini diharap dapat meningkat taraf ekonomi mereka. Nilai projek *empower* ECER Mahkota dan Latihan Kemahiran 2015.



UMP, ECERDC jalin kerjasama Pembangunan Modal Insan dalam Empower ECER Mahkota Kuala Pahang

PESERTA EMPOWER ECER MAHKOTA 2014-2015

2014	Latihan Kemahiran Akademik	2,057
	Latihan Kemahiran & Keusahawanan	225
	JUMLAH	2,282

2015	Latihan Kemahiran Akademik	3,111
	Latihan Kemahiran Keusahawanan	250
	JUMLAH	3,361

5,643

Bilangan Peserta Latihan Akademik 2014-2015

5,168
peserta

▲ 51%
peningkatan



NO. ADDENDUM	TAHUN	PERKARA/KURSUS	BIL. PESERTA
4	2014	Latihan Kemahiran Akademik - Pekan	2,057
6 & 7	2015	Latihan Kemahiran Akademik - Pekan & Kuantan - Bera	3,111
JUMLAH KESELURUHAN			5,168

Peserta Latihan Kemahiran & Keusahawanan 2014-2015

475

peserta

▲ 11%
peningkatan



BIL.	TAHUN	PERKARA / KURSUS	BIL. PESERTA
1.	2014	LATIHAN KEMAHIRAN & KEUSAHAWANAN - Kulineri (Masakan 1Malaysia) - Pendawaian Elektrik - Jahitan & Rekaan Fesyen - Penjagaan Selepas Bersalin (PND) - Tatarias Kecantikan - Dandan dan & Spa Rambut - Sijil Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan (OSH) PROGRAM PENINGKATAN & LANJUTAN (E&C)	225
2.	2015	LATIHAN KEMAHIRAN & KEUSAHAWANAN - Sijil Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan (OSH)	250
JUMLAH KESELURUHAN			475

Program Latihan Akademik

Program bermula pada tahun 2011 dan dikendalikan bersama antara Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan UMP. Objektif Umum program ini adalah mentransformasikan negeri-negeri Pantai Timur ke arah Wilayah Maju 2020 serta bagi mencapai objektif tersebut, dua program diperkenalkan, iaitu Latihan Kemahiran Akademik dan Latihan Kemahiran Keusahawanan.



Program Pemindahan Ilmu (KTP) Knowledge Transfer Programme




PROGRAM PEMINDAHAN ILMU

Knowledge Transfer Programme (KTP)

RM 5,096,277.00

Peningkatan geran KTP pada akhir tahun 2015 berbanding pada tahun 2012 atau RM 315,375.00 (2 projek)

Program KTP bertujuan bagi mengiktiraf dan menggalakkan pemindahan pengetahuan melalui pertukaran idea kreatif dan inovatif, penemuan penyelidikan, pengalaman dan kemahiran antara Universiti Awam (UA), organisasi penyelidikan, industri, agensi-agensi kerajaan dan masyarakat luar.



PROGRAM PEMINDAHAN ILMU
 Knowledge Transfer Program (KTP)
8 PROJEK (2015)
 Jumlah projek keterlibatan industri dan komuniti dengan geran KTP berjumlah RM 1,245,858.00 bagi tahun 2015.



2012
2 Projek
RM 0.3 juta

2015
33 Projek
RM 5 juta

Program KTP bertujuan untuk mengiktiraf dan menggalakkan pemindahan pengetahuan melalui pertukaran idea kreatif dan inovatif, penemuan penyelidikan, pengalaman dan kemahiran antara Universiti Awam (UA), organisasi penyelidikan, industri, agensi-agensi kerajaan dan masyarakat luar.

8

NATIONAL PRIORITY AREA

- Pendidikan - meningkatkan tahap pendidikan di daerah-daerah tertentu.
- Keuntungan ekonomi untuk sektor industri di sektor dikawal pasti.
- Kelestarian dan inisiatif Teknologi Hijau.
- Kumpulan Kelainan Mampu atau Upaya (OKU).
- Pembangunan Kurikulum Komuniti yang relevan (untuk sektor impak tinggi).
- Keselamatan Tenaga - Memanfaatkan sumber alternatif dan kecukupan penggunaan tenaga.
- Keselamatan Air - Menjamin bekalan air mampan dan rawatan air.
- Pengangkutan & Perbandaran - Mengurangkan ketergantungan kepada bahan api fosil dan kelestarian perbandaran melalui pengurusan sisa bandar cekap.

Kelulusan Projek KTP 2015



BIL.	KETUA PROJEK	TAJUK PROJEK	FAKULTI	BAKAN KERJASAMA	JUMLAH KELULUSAN (RM)
KLUSTER = FLAGSHIP INDUSTRI					
1.	Professor Dr. Zulfarhan bin Ab Wahid	Knowledge Transfer on the Development and Application of Membrane Dialyser Cleaning Solution for Reprocessing and Reusing of Dialyser (Artificial Kidney) of Pusat Hemodialisis Islam Makmur Kuantan "A Green Technology Solution".	Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK)	Yayasan Pusat Hemodialisis Islam (Yayasan PHDI)	142,140.00
2.	Dr. Saiful Anwar bin Che Ghori	Improvement of Extracted Agarwood Agallaria Agallaria Oil Productivity & Quality by Installing Automated Hydro Distillation System.	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	1 Geva Resources	163,370.00
JUMLAH					305,510.00
KLUSTER = INDUSTRI					
3.	Dr. Gooezy Pragas A/L Manon	Reducing The Amount of Water Used for Washing Poly Methyl Ester in Bio Diesel Industry	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	Artistic Support Sdn. Bhd.	192,530.00
4.	Dr. YE. Mohd Yuhli bin Mohd Tadzim	Transfer of Energy Efficient Ground Exchanger System for Improving Thermal Comfort of Building Indoor Environment	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	Tunas Araf Sdn. Bhd.	174,330.00
5.	Professor Madya Dr. Mazrul Nazam Abu Samon	Transfer of Electrocoagulation Technology Knowledge for the Treatment of Petroleum Based Industrial Wastewater	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	MY Synergy Factors (M) Sdn. Bhd.	111,400.00
6.	Dr. Fadzil Rahman bin Mohd Ramly	Technology Transfer on the Mass Manufacturing of Plastic Optical	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	Nughatronic Sdn. Bhd.	174,763.00
JUMLAH					652,963.00
KLUSTER = KOMUNITI					
7.	Dr. Noor Baha Ibrahim Mohd Redwan	Professional Development Programme for Zan Timur and Zan Barat Preschool Educators of Pervuatan Pengasah Negeri Pahang	Pusat Sains Madan & Sains Kemasyarakatan (PSMASE)	Pervuatan Pengasah Negeri Pahang	135,073.00
8.	Professor Madya Dr. Hamzah bin Ahmad	Jaga Mindframe - Learn to Innovate	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	PPD Pekan	152,110.00
JUMLAH					287,183.00
JUMLAH KESELURUHAN PERMOHONAN					1,245,858.00



Program Pemindahan Ilmu

Knowledge Transfer Programme (KTP)

Kelulusan Mengikut Kluster



Nota: Tiada permohonan diterima daripada FKP dan FIM

Kelulusan Mengikut Fakulti



Senarai Industri yang Terlibat

LKPP / AGARWOOD / MTBE / ALI FOOD / REALISTIC ATTRACTION SDN. BHD. / TPM BIOTECH / FM PLASTIC INDUSTRIES / WISE AVIATION / SEDAYU PADU / PHOENIX LAKE / QMEC CONSULT /SDMT AGRO SDN. / CH BIOTEC / UPSTREAM DOWNSTREAM PROCESS & SERVICES/SVP / I GAWA RESOURCES/AL-IKHLAZ / QMEC CONSULT / UPSTREAM DOWNSTREAM PROCESS & SERVICES / SEDAYA PADU SB.



Program Pemindahan Ilmu

Knowledge Transfer Programme (KTP)

485 orang peserta terlibat dalam projek Pemindahan Ilmu dan Akademik dengan kerjasama Industri / Komuniti (aktiviti pelajar / siswazah)

Melibatkan aktiviti/program yang dilaksanakan oleh Jabatan Jaringan Industri dan Masyarakat dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni.

KPI

Flagship Industri dan Komuniti

Bilangan projek pemangkin / Flagship Pemindahan Ilmu dan Akademik yang dilaksanakan mengikut Bidang Tumpuan Utama (KRAA) Industri dan Komuniti




KPI

INDUSTRI DAN KOMUNITI

Bilangan projek Pemindahan Ilmu dan Akademik dengan kerjasama Industri/Komuniti



Kebolehpasaran Graduan



Program Khidmat Masyarakat dan Misi Kemanusiaan

LEBIH 2,500 SUKARELAWAN IPT BANTU OPERASI PASCABANJIR

Lebih 2,500 orang sukarelawan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seluruh negara termasuk Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) turun padang meneruskan usaha membersihkan 12 lokasi pembersihan kawasan penempatan penduduk dan sekolah sekitar negeri Pahang pada 17 Januari 2015 yang lalu.

Misi bantuan melibatkan 16 universiti awam dan swasta serta kolej komuniti. Dalam program ini, sukarelawan Universiti Malaysia Pahang (UMP) terlibat di Kampung Paya Pasir Chendor, Pulau Rusa dan Sekolah Menengah Kebangsaan Peramu Jaya, Universiti Malaya (UM), Universiti Tun Hussin Onn (UTHM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sekolah Kebangsaan Temai, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Kampung Pulau Manis, University Multimedia (MMU) di Sekolah Kebangsaan Paloh Hinai dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) di Kampung Sawah.

Sukarelawan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Segamat di Masjid Pulau Rusa, Universiti Perguruan Sultan Idris (UPS) di Kampung Sebelah Chendor, Kolej Teknologi Alpha di Sekolah Kebangsaan Tanah Rom, UiTM Melaka di Guai, Bera, Universiti Sains Malaysia (USM) di Kampung Sekara dan bandar lama Chenor. Kolej Komuniti (KK) Paya Besar, KK Rompin, KK Jerantut, KK Pekan dan KK Kuantan di Kampung Tebal Temerloh serta YSS di Kampung Paya Pasir Penor.

Majlis pelepasan sukarelawan dirasmikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim. Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar) USM, Profesor Dr. Adnan Hussein dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UKM, Profesor Datin Noor Aziah Mohd. Awal. Turut sama Pemangku Pendaftar UMP, Abd. Rahman Haji Safie.

Operasi pascabanjir ini melibatkan sukarelawan staf dan mahasiswa universiti secara besar-besaran secara serentak yang memfokuskan kediaman dan pembersihan kawasan sekolah untuk melancarkan sesi persekolahan yang tergendala. Susulan bencana banjir luar biasa yang melanda negeri-negeri di Pantai Timur, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia menggesa semua mahasiswa IPT menghulurkan bantuan bagi operasi membantu mangsa pascabanjir.

Sebagai menyokong saranan ini, pihak UMP dengan kerjasama Majlis Sukarelawan Universiti Malaysia (MASKUM) menjalankan operasi menyelaras pergerakan sukarelawan dari seluruh IPT. Selain itu juga, UMP turut terlibat sebagai Sekretariat Pascabanjir Negeri Pahang bagi menyelaras aktiviti kesukarelawan. UMP juga membantu dalam menyediakan kemudahan penginapan yang diuruskan pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) bagi penyediaan makanan kepada petugas sukarelawan agar urusan membantu mangsa banjir berjalan lancar.

UMP menerusi Bilik Kawalan dan Operasi Bencana (BKOB) di UMP Gambang dan UMP Pekan telah menerima seramai 6,612 sukarelawan staf dan mahasiswa universiti dari UMP dan IPT lain yang berdaftar dalam menyumbang tenaga dan membantu misi kesukarelawan sejak bencana banjir melanda di Pantai Timur. Gambar de dlm folder jhepa

THAILAND – LAOS 2015

Susulan daripada projek Kami Sayang Kami Prihatin di Kemboja pada tahun 2013-2014, UMP meneruskan lagi Misi Kemanusiaan ke negara jiran Thailand dan Laos. Program ini mendapat kerjasama daripada NGO iaitu Pertubuhan Ar-Rahmah dan Yayasan As-Salam serta mendapat sokongan dan sumbangan daripada Persatuan Wanita Universiti Malaysia Pahang (MATAHARI).


Delegasi UMP yang dihadiri oleh 18 orang pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) telah membantu membina tandas empat pintu dan tempat wuduk di masjid yang sedang dibina di Nong Khai, Wilayah Timur Thailand. Memandangkan lokasi Nong Khai bersempadan dengan negara Laos iaitu kira-kira 25km, UMP turut membantu mengecat pagar Masjid Al-Adhar di Bandar Vientiane, Laos. Khidmat komuniti ini juga turut disertai oleh masyarakat setempat yang sama-sama menjayakan projek pembangunan ini. Selain itu, misi kemanusiaan ini turut mengadakan kelas bahasa Melayu kepada penghuni Rumah Yayasan As-Salam.



Kokurikulum Berkredit

Seramai 3,746 orang pelajar telah mendaftar kursus kokurikulum sesi pengajian semester dua sesi pengajian 2014/2015 dan semester satu sesi pengajian 2015/2016. Masing-masing dengan jumlah sebanyak 2,171 orang dan 1,575 orang.

Jumlah Pelajar Mendaftar Kursus Kokurikulum Tahun 2015




- Kursus kokurikulum berkredit merangkumi enam teras utama iaitu:
- Kesukarelawan;
- Kebudayaan;
- Kepimpinan;
- Sukan;
- Daya Usaha & Inovasi; dan
- Khidmat Komuniti.

Tahun 2015, Pusat Kokurikulum ada penambahan empat kursus masing-masing di bawah teras sukan dan teras kesukarelawan. Semester 1 teras Khidmat Komuniti memegang jumlah pelajar teramai iaitu 1,395 orang dengan peratusan pelajar dari Kampus Gambang sebanyak 47 peratus dan Kampus Pekan 18 peratus, diikuti teras sukan sebanyak 496 orang (23 peratus). Manakala tiga teras lain iaitu kebudayaan, kepimpinan dan daya usaha & inovasi masing-masing tidak mempunyai pendaftaran dalam kalangan pelajar.

Berlainan pula dengan Semester 2, seramai 703 orang pelajar (62 peratus) telah mendaftar bagi kursus di bawah teras sukan, dengan peratusan pelajar dari Kampus Gambang sebanyak 36 peratus, diikuti dengan teras sukarelawan (16 peratus). Manakala peratusan yang terendah adalah teras khidmat komuniti iaitu satu peratus bersamaan 15 orang.

Jumlah Peratusan Pelajar Mengikut Teras dan Kampus



Kursus yang ditawarkan pusat kokurikulum mengikut semester bagi setiap sesi pengajian


TERAS	SEM 2 SESI 2014/2015		SEM 1 SESI 2015/2016	
	GAMBANG	PEKAN	GAMBANG	PEKAN
Sukan	7	7	6	6
Sukarelawan 4		4	4	4
Khidmat Komuniti	1	1	1	1
Daya Usaha & Inovasi	1	1	-	-
Kebudayaan	1	-	1	-
Kepimpinan	3	-	-	-

Aktiviti Kokurikulum Berkredit Sepanjang Tahun 2015

BIL.	TERAS	PROGRAM	KURSUS	HASIL PEMBELAJARAN
1.	SUKARELAWAN	1. Program Khemah Tahunan 2015.	Palapes Udara	Kursus di bawah teras ini membentuk pelajar yang siaga berusaha untuk memberikan sumbangan tanpa mengharapkan imbuhan dalam sebarang aktiviti. Juga bersedia untuk berkorban demi kepentingan orang lain yang memerlukan atau yang berada dalam kesusahan.
		2. Program PGA, Etika & Pengurusan Integriti.	Kor Suksis	
		3. Program Induksi Palapes Laut Tahun 1, Setiu.	Palapes Laut	
		4. Hari Terbuka UMP.	Semua Badan	
		5. Kursus Kemahiran Pertahanan Awam Kor Sispa UMP.	Kor Sispa	
		6. Aktiviti Berakit & <i>Fitness Organization Mental & Development Exercise</i> (FOMDEX).	Palapes Laut	
		7. Latihan Menembak Tahunan Kor SUKSIS UMP.	Kor Suksis	
		8. Majlis Pramakan Beradat Pegawai Kadet Palapes Udara.	Palapes Udara	
		9. Intra SUKSIS, <i>Annual General Meeting</i> (AGM) & Majlis Makan Beradat KOR SUKSIS.	Kor Suksis	
		10. Solat Hajat Perdana 2.0.	Kor Suksis	
		11. Majlis Penghargaan Kor Sispa UMP.	Kor Sispa	
		12. Program Audit dari PSSTUDM.	Palapes Udara	
		13. Latihan Renang <i>Intensif Backward Swimmer</i> Palapes Laut.	Palapes Laut	
		14. Seminar Kebangsaan Kor Sispa Kali Ke-4 2015.	Kor Sispa	
		15. Latihan Mara Lasak Mendaki Bukit Sulai Kor Suksis.	Kor Suksis	

BIL.	TERAS	PROGRAM	KURSUS	HASIL PEMBELAJARAN
2.	SUKAN	1. Kursus Kejurulatihan Memanah Tahap 1.	Memanah	Teras ini memberi peluang kepada pelajar untuk menyemai semangat kerjasama dan bersedia untuk menerima hakikat kalah atau menang. Semangat kesukanan yang tinggi dapat membentuk fikiran yang matang dan sifat toleransi
		2. Program Mendaki dan Berkhemah bagi Kursus Trekking Pekan.	Trekking	
		3. Ekspedisi ke Hutan Lipur Gunung Arong, Johor.	Trekking	
		4. Kejohanan Paintball Kokurikulum.	Paintball	
		5. Ekspedisi ke Hutan Lipur Bukit Pelindung.	Trekking	
3.	LAIN-LAIN	1. Program Pensijilan 1 Citizen KPT-UMP 2015.	Briged Siswa	Merupakan aktiviti dari peringkat Kementerian dan Jabatan
		2. Program seharian bersama Pelajar S.K. (P) Methodist, Kuantan.	Briged Siswa	
		3. <i>Youth Camp & Cultural Night Briged Siswa 2015.</i>	Briged Siswa	

Peratusan Aktiviti Bagi Setiap Teras Sesi 2014/2015



Seni dan Budaya

PERTANDINGAN DEBAT DIRAJA 2015

Tarikh : 8 hingga 13 Mei 2015
 Pasukan : 86 pasukan bertanding daripada 22 Institusi Pengajian Tinggi (IPT)
 Peserta : 344 orang
 Tempat : Dewan Kompleks Sukan, UMP Kampus Gambang



FESTIVAL NASYID MAJLIS KEBUDAYAAN UNIVERSITI MALAYSIA 2015


Tarikh : 14 hingga 17 Mei 2015
 Pasukan : 12 pasukan bertanding daripada 12 Institusi Pengajian Tinggi (IPT)
 Peserta : 144 orang
 Tempat : Dewan Kompleks Sukan, UMP Kampus Gambang

PROGRAM PELAJAR

Mobiliti Pelajar *Outbound*



- Turkey *Discovery Program*.
- Program Jelajah Ilmu Melbourne Australia: *Knowledge Beyond Boundaries*, RMIT University, Melbourne.
- Program Kembara Ilmu Korea Selatan (KIKS)
- *Festival Des Art Martiaux* di Paris, Perancis.
- *Knowledge Sharing with University of Johannesburg and the Enactus World Cup (EWC) 2015* di Afrika Selatan.
- *Spread the Love and Knowledge at Hagnaya* di Pulau Cebu, Filipina.
- Global Student Outreach (GSO) di Vietnam.



PROGRAM INOVASI PELAJAR



- *Shell Eco Marathon* di Manila, Filipina.
- *9th International Warsaw Invention Show 2015* di Poland (IWIS 2015).
- *Kaohsiung International Invention and Design Expo 2015* di Taiwan.
- *International Engineering Invention and Innovation Exhibition (I-ENVEX) 2015* di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).
- *UMP Racing Team: Educational Innovation of Motorsports and Automotive Race 2015 (EIMARACE 2015)*, Pahang.
- *UMP Racing Team: Formula Varsity 2015* di Sepang.

Pencapaian Sukan



KARNIVAL SUKAN MASUM 2015

Kontingen Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kekuatan seramai 200 orang atlet berjaya mengekalkan momentum sebelum ini dengan berada di kelompok terbaik pada Karnival Sukan MASUM 2015 yang berlangsung pada 27 Julai sehingga 7 Ogos 2015 bertempat di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai dengan kutipan pingat sebanyak tiga emas, empat perak dan lima gangsa secara keseluruhan.

Atlet tekwando UMP, Khairul Anwar bin Mohamat, pasukan bola keranjang dan atlet petanque iaitu Laylatun Qadrina binti Amrizal dan pasangan Nur Amirah binti Mohd Nasai beraksi dengan cemerlang apabila berjaya menyumbangkan tiga pingat emas kepada kontingen UMP. Manakala pingat perak dan gangsa pula disumbangkan menerusi acara sukan *lawn bowls*, tekwando, petanque dan catur.

Masih lagi bersandarkan motto 'Menang Tidak Bermegah Kalah Tidak Rebah', kejayaan keseluruhan pada kali ini membuktikan bahawa pembangunan sukan di UMP terus membangun dengan positif serta kesungguhan semua atlit yang bertanding pada kali ini membuahkan hasil. Diharapkan dengan sokongan pelbagai pihak, kecemerlangan kontingen UMP pada Karnival Sukan MASUM dapat diteruskan pada kejohanan-kejohanan lain yang akan datang.



UMP80 RIDE CHALLENGE 2015

UMP80 Ride Challenge 2015 diadakan bersempena atau simbolik kepada perpindahan kampus utama UMP iaitu dari Gambang ke Pekan. UMP80 Ride juga sebagai pengenalan lokasi UMP Pekan kepada orang ramai. Program ini diadakan pada 28 Februari 2015 dan laluan yang dipilih adalah dari UMP Pekan, Sungai Soi, Pantai Sepat dan kembali semula ke UMP Pekan. Program ini telah menarik minat lebih kurang 200 penggemar aktiviti berbasikal terdiri daripada pelbagai usia dari seluruh negeri. Kejohanan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu *Mountain Bike* dan *Road Bike*. Program ini mendapat kerjasama dari PDRM Cawangan Kuantan dan Pekan, *Marshall* Bermotosikal, RELA Daerah Pekan, Bahagian Keselamatan UMP, Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta (JPPH), dan juga Unit Kesehatan pelajar UMP.



KARNIVAL BOLA KERANJANG FIBA 3X3 IPT EDISI KE-5

UMP adalah Pusat Sukan Tumpuan (PST) Bola Keranjang dalam kalangan Universiti Awam Malaysia. UMP berasa bangga kerana telah dipilih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai Pusat Sukan Tumpuan Bola Keranjang. Ini bermaksud bahawa sukan bola keranjang adalah antara sukan yang berpotensi dalam meraih kejayaan di peringkat antarabangsa.

Oleh yang demikian, UMP telah menganjurkan bagi edisi yang kelima dan merupakan kesinambungan daripada penganjuran Karnival Bola Keranjang 3X3 IPT 2010 – 2013. Karnival Bola Keranjang FIBA 3X3 IPT Edisi Kelima yang berlangsung selama tiga hari bermula 30 Januari sehingga 1 Februari 2015 telah menarik hampir 70 pasukan yang menyertai daripada pelbagai IPT dan sekolah menengah di seluruh Malaysia. Kategori yang dipertandingkan pada kali ini adalah kategori IPT lelaki dan wanita, dan kategori bawah 18 tahun lelaki dan wanita. Berikut adalah keputusan rasmi perlawanan:

	KATEGORI IPT LELAKI	KATEGORI IPT WANITA
Champion	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	SUNWAY
1st Runner Up	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	Universiti Malaysia Sabah (UMS)
2nd Runner Up	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
3rd Runner Up	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

	KATEGORI BAWAH 18 TAHUN LELAKI	KATEGORI BAWAH 18 TAHUN WANITA
<i>Champion</i>	Sekolah Menengah Kebangsaan Chung Hwa	Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah (SEMSAS) 1
<i>1st Runner Up</i>	Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah (SEMSAS) D	Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah (SEMSAS) 5
<i>2nd Runner Up</i>	Sekolah Menengah Sains Hulu Terengganu	Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah (SEMSAS) 3
<i>3rd Runner Up</i>	Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah (SEMSAS) B	Sekolah Menengah Sains Pasir Puteh

Malam Penghargaan Sukan



Setiap tahun UMP akan menghantar atlet-atlet yang terdiri daripada pelajar UMP ke kejohanan-kejohanan anjuran Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dan anjuran Bahagian Sukan Sektor Pengajian Tinggi Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia (KPT). Sejak menyertai kejohanan yang disebutkan tadi, beberapa atlet UMP berjaya memenangi pingat dan mencapai kejayaan pada setiap kali menyertainya.

Justeru, Malam Penghargaan Sukan dan Pemberian Insentif Kecemerlangan Sukan UMP 2014 ini adalah inisiatif oleh Pusat Sukan UMP yang merupakan satu pengiktirafan dan penganugerahan kepada penggiat sukan yang

telah mencapai kecemerlangan bagi tahun 2014. Majlis diadakan pada 28 Mac 2015 bertempat di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang.

Berikut adalah senarai Penerima Anugerah:

- **Olahragawan Universiti**
Mohammad Syahir Syahmi bin Hassan (Petanque)
- **Olahragawati Universiti**
Laylatun Qadrina binti Amrizal (Petanque)
- **Olahragawan Harapan Universiti**
Mohamad Syazwan bin Fauzi (Petanque)
- **Olahragawati Harapan Universiti**
Nur Amirah binti Mohd Nasai (Petanque)
- **Pasukan Terbaik**
Bola Keranjang
- **Jurulatih Terbaik**
Ahmad Suhaimi bin Abd Rashid (Sepak Takraw)
- **Penyelaras Terbaik**
Nurfazilah binti Amin Nordin (Petanque)

PENCAPAIAN MENGIKUT TERAS


BIL.	TARIKH	TEMPAT	PROGRAM	PENCAPAIAN
TERAS KEPIMPINAN				
1.	23 hingga 28 Januari 2015.	Parlimen Malaysia	Persidangan Parlimen Mahasiswa Sesi 1/2015	Seorang pelajar UMP terpilih sebagai lima pendebat terbaik IPT Malaysia
2.	23 hingga 28 Januari 2015.	University Of Oxford, London	Student Parliament: Oxford Leadership Programme 2015	Seorang pelajar UMP terpilih ke program tersebut
TERAS KESUKANAN				
1.	19 September 2015	Universiti Teknologi PETRONAS (UTP)	3rd Team Chess Championship (UTCC)	Tempat ketujuh daripada 42 pasukan Best IPT team
2.	7 hingga 9 November 2015	Kompleks Sukan Universiti Utara Malaysia (UUM)	Kejohanan Futsal (Lelaki) Sempena Sukan Siswa Siswi Sabah IV 2015	Tempat ketiga (futsal) - 12 orang pelajar
TERAS KEBUDAYAAN				

BIL.	TARIKH	TEMPAT	PROGRAM	PENCAPAIAN	
1.	4 April 2015	Perbadanan Kraftangan Malaysia, Kuala Lumpur	Pertandingan Dikir Barat Terbuka Hari Kraftangan Peringkat Kebangsaan 2015	Tempat ketiga	
2.	7 Mac 2015	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS)	Pertandingan Nasyid antara IPT	Naib johan (12 orang pelajar)	
3.	14 hingga 17 Mei 2015	UMP	Festival Nasyid MAKUM 2015	Tempat keempat (12 orang pelajar)	
4.	7 November 2015	Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Pahang, Kuantan	Festival Teater Negeri Pahang	Tempat ketiga (22 orang pelajar)	
TERAS KESUKARELAWANAN					
1.	18 Julai hingga 18 Ogos 2015	Vietnam	Program Misi Sukarelawan Siswa Asean 2015 di Vietnam	Seorang pelajar UMP terpilih ke program tersebut	
2.	20 Ogos hingga 8 September 2015	Sabah	Program Misi Sukarelawan Siswa - Sandakan dan Telupid	Seorang pelajar UMP terpilih ke program tersebut	
TERAS DAYA USAHA DAN INOVASI					
1.	8 hingga 10 Mac 2015	Kompleks Sukan UMP	CITREX 2015	17 Pingat Emas, 62 Pingat Perak dan 30 Gangsa	1 <i>Social Impact Award (TNC HEPA)</i> 1 <i>Creative Invention Award (TNC HEPA)</i> 1 <i>Best of The Best</i>
2.	15 hingga 18 Ogos 2015	Universiti Sains Malaysia (USM)	Novel Research and Innovation Competition (NRIC) 2015	3 Emas dan 1 Perak (9 orang pelajar)	
3.	11 hingga 14 Oktober 2015	Warsaw University, Poland	9th International Warsaw Invention Show 2015, Poland	3 Emas, 3 Perak dan 2 Anugerah Khas (6 orang pelajar)	
4.	4 hingga 6 Disember 2015	Kaohsiung, Taiwan	Pertandingan Rekacipta Kaohsiung International Invention & Design Expo 2015	3 Emas, 3 Perak dan 1 Anugerah Khas (6 Orang Pelajar)	

Keusahawanan


KPI:

Bilangan siswazah/lulusan IPT yang menceburi bidang keusahawanan/ perniagaan dalam tempoh tiga sehingga enam bulan selepas tamat pengajian.




KPI:

Bilangan pelajar Ijazah Pertama dan Diploma sepenuh masa (tidak termasuk pascasiswazah) terlibat dalam aktiviti pendedahan atau pembudayaan keusahawanan selain daripada kurikulum.



KPI:

Mendapatkan bilangan staf/pelajar/IKS/PKS yang menjadi atau menyertai program-program inkubator dalaman.



Projek Penanaman Serai Wangi dan Kraftangan Jerami

Projek ini dirasmikan oleh Yang Berbahagia Adun Pulau Manis, Dato’ Haji Khairuddin bin Mahmud pada 29 Oktober 2015. Projek ini melibatkan penyertaan seramai 11 keluarga di Perumahan Bersepadu Bukit Kenau, Pekan.

Program keusahawanan sosial ini bertujuan untuk meningkatkan ekonomi penduduk setempat. Penanaman serai wangi dilaksanakan oleh penduduk kampung dan dibeli semula oleh pihak UMP apabila hasil telah diperolehi. Produk akan digunakan secara ekstrak untuk kegunaan perubatan. Produk Jerami yang dihasilkan juga akan dibeli semula UMP untuk dijadikan produk jualan atau cenderahati.





UMP HALAL CERTIFICATION TRAINING

Program ini dijalankan bermula pada 31 Oktober sehingga 6 Disember 2015 dengan kerjasama pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Program ini menyasarkan untuk melahirkan graduan usahawan yang akan menjadi konsultan halal kepada pihak Industri Kecil dan Sederhana (IKS) atau industri bagi membantu mereka mendapat penerangan berkaitan proses/prosedur memohon persijilan halal bagi syarikat mereka.

Para peserta menjalani latihan di dalam dewan kuliah dan menghadiri sesi praktikal di Pusat Penyembelihan dan

Pusat Memproses Makanan Halal selama enam minggu bagi membolehkan mereka mendapat sijil konsultasi. Program ini berjaya melatih seramai 85 orang peserta ketika kali pertama dilaksanakan dan mendapat maklum balas positif dari para peserta.



PUBLIC PRIVATE RESEARCH NETWORK (PPRN)

Projek ini merupakan salah satu projek KPT untuk mewujudkan *Knowledge-friendly Ecosystem*, di mana pengetahuan dihasilkan dan disebarkan dari mereka yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran (universiti) kepada pihak yang memerlukan pengetahuan dan kepakaran berkaitan (industri/SME).

Program ini telah diadakan pada 21 April 2015, bertempat di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang dan dihadiri lebih kurang 100 pengusaha atau pemilik syarikat dari seluruh negeri Pahang. Program ini menemukan di antara para penyelidik UMP dengan Pengusaha IKS. Pemilihan IKS yang berjaya akan dilaksanakan oleh pihak KPT. Majlis telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha KPT, Yang Berbahagia Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang.



MIT GLOBAL STARTUP LABS - BEST PROTOTYPE AWARD



Pelajar UMP telah memenangi kategori *Best Prototype Award* bagi dalam program ini yang telah berlangsung pada 29 Jun sehingga 14 Ogos 2015 bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi.

PERTANDINGAN 1MALAYSIA ENTREPRENEUR (1MET)



Pelajar UMP memenangi tempat ketiga bagi pertandingan ini yang telah berlangsung pada 24 dan 25 Oktober 2015 bertempat di Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan.

KRA 4 PENJENAMAAN UNTUK PENJAJARAN STRATEGIK

Penjenamaan UMP bukan bermaksud memasarkan sesuatu produk, tetapi sebaliknya menonjolkan identiti UMP yang tersendiri. Hasil penjenamaan identiti UMP yang baik akan menentukan kedudukan jenama strategik yang dapat dinilai melalui perspektif organisasi itu sendiri dan pihak berkepentingan.

KRA 4 PENJENAMAAN UNTUK PENJAJARAN STRATEGIK

Indeks Kepuasan Staf

PROGRAM *TRANSFORMATION FOR YOU AND UMP (TRANS U)*



Program *Transformation for You and UMP (Trans U)* dikenali sebagai Program MyUMP dan dianjurkan Bahagian Pengurusan Bakat (BPB). Program ini bertujuan untuk memperkasakan staf UMP bagi mengamalkan budaya kerja secara berpasukan, kepimpinan yang berkesan dan komunikasi yang strategik. Melalui program Trans U, para peserta telah disuntik dengan elemen-elemen pembudayaan kerja secara berinovasi dan 'berfikir di luar kotak' melalui input dan aktiviti memupuk kepimpinan, berkomunikasi secara strategik dan kerja secara

berpasukan bagi mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan.

BIL.	MODUL	TARIKH	TEMPAT	PESERTA
1.	MyUMP Siri 1	27 hingga 29 Mac 2015	Cheringin Hills Convention & Spa Resort	40
2.	MyUMP Siri 2	24 hingga 26 April 2015	Kenyir Lake Resort	40
3.	MyUMP Siri 3	29 hingga 31 Mei 2015	Lanjut Golden Beach & Golf Resort	40
4.	Trans U Siri 1	30 Oktober hingga 1 November 2015	Cheringin Hills Convention & Spa Resort	50



PROGRAM KEPIMPINAN & PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA STRATEGIK UMP (ULEAD UMP) DAN SESI PENILAIAN PROGRAM ULEAD UMP

Tujuan utama Sesi Penilaian Program *ULead UMP* ini adalah untuk mengenal pasti bakat dan potensi staf bagi program Pengurusan Bakat dan Himpunan Bakat, melaksanakan penilaian kompetensi kepimpinan dan teras

UMP serta membangunkan profil individu dan membangunkan Pelan Pembangunan Individu (IDP) staf kategori Gred 41. Sesi-sesi seterusnya akan dilaksanakan kepada staf yang berlainan gred secara berperingkat.

Anjuran	: Bahagian Pengurusan Bakat (BPB).
Tarikh	: 24 hingga 26 November 2015
Masa	: 8.00 pagi – 5.00 petang
Tempat	: Perpustakaan, UMP Pekan
Bil. Peserta	: 46 orang (Staf kategori Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41)
Bil. Penilai	: 30 orang

Anugerah Cendekia Bitara

Anugerah Cendekia Bitara adalah anugerah yang diberikan kepada warga UMP di atas pengiktirafan, penghargaan dan kecemerlangan dalam pelbagai bidang ataupun kategori iaitu Kategori Tokoh, Penerbitan Jurnal, Penerbitan Buku, Produk Penyelidikan, Kreativiti dan Kualiti yang telah mengharumkan nama UMP pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Anugerah Cendekia Bitara 2014 yang diadakan pada 27 April 2015 yang lalu menunjukkan peningkatan ketara untuk penerima anugerah berbanding tahun-tahun sebelum ini khususnya pada Kategori Penerbitan Jurnal. Untuk kategori tersebut sebanyak 66 jurnal menerima Anugerah Cendekia Bitara dan 162 jurnal lagi diberikan Hadiah Sanjungan berbanding tahun sebelum itu iaitu 34 jurnal diberikan Anugerah Cendekia Bitara manakala, 73 lagi diberikan Hadiah Sanjungan.

Anugerah ini menunjukkan bahawa warga UMP mampu menghasilkan dan menerbitkan hasil penulisan dalam jurnal yang berkualiti dan berimpak tinggi.

Statistik Penerima Anugerah Cendekia Bitara dan Hadiah Sanjungan 2014

KATEGORI	CENDEKIA	SANJUNGAN
Tokoh	1	0
Penerbitan Buku	0	1
Penerbitan Jurnal	66	162
Produk Penyelidikan	29	28
Kreativiti	2	2
Kualiti	0	0
JUMLAH	98	193
JUMLAH KESELURUHAN	291	



JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT

POST-BACCALAURETTE CERTIFICATE (PBC)
391 Graduan terlibat dalam program PBC bagi tahun 2014 dan 2015
 137 orang (2014) | 254 orang (2015)

OBJEKTIF

- Memperkasa kecakapan pelajar dan kemahiran kerja.
- Meningkatkan kebolehpasaran pelajar.
- Menetapkan nilai-nilai profesionalisma pelajar.
- Mengaplikasikan ilmu-ilmu yang dipelajari ke dalam suasana pekerjaan sebenar.

55 INDUSTRI YANG TERLIBAT DALAM PROGRAM PBC
 Senasik Tempatan (28) | SMEs (7) | MNCs (20)

216 PELAJAR YANG MENDAPAT PEKERJAAN DI BAWAH PBC
 Tahun 2014 (36) | Tahun 2015 (180)

CGPA	3.00 ↑	2.70-2.99	2.50-2.69	2.50 ↓
Σ pelajar	37	60	47	21

PAKULTI	FKSA	FKASA	FKEE	FKP	FKM	FIM	FIST	JUMLAH KESELURUHAN
2014	46	19	26	10	30	-	-	131
2015	31	61	70	15	46	16	21	260

Note: 2014 (Baku ke Fakulti kejuruteraan sahaja) Manakala 2015 melibatkan 2 fakulti yang mempunyai 5 GE yang rendah.



Hari Kualiti & Inovasi

Sambutan Hari Kualiti & Inovasi UMP yang diadakan pada 6 Julai 2015 mengisyaratkan kepekaan pihak pengurusan universiti ini terhadap kepentingan pembudayaan perkhidmatan yang cemerlang bersandarkan nilai-nilai teras UMP. Penggabungan elemen kualiti dan inovasi merupakan pra-syarat kecemerlangan perkhidmatan awam dewasa ini, sejajar dengan seruan dan saranan kerajaan.

Pelbagai kategori pengiktirafan dan penghargaan yang diwujudkan sempena sambutan Hari Kualiti & Inovasi merupakan petunjuk nyata bahawa pihak pengurusan sentiasa komited memberi galakan kepada warga UMP memberikan sumbangan terbaik, dalam ruang kepakaran dan kemahiran mereka ke arah kecemerlangan prestasi secara berterusan.

RASIONAL PELAKSANAAN

- Menunjukkan komitmen pihak pengurusan kepada penerapan budaya pengurusan kualiti secara berterusan untuk memulakan pembudayaan inovasi dalam kalangan staf;
- Menarik perhatian dan minat staf tentang pentingnya penekanan kualiti di dalam urusan penyampaian perkhidmatan dari semasa ke semasa;
- Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara bekerja yang diamalkan; dan
- Kriteria-kriteria yang diguna pakai untuk penilaian adalah lebih kepada melihat hasil/ faedah yang diperoleh di atas sesuatu perubahan atau penyelarasan yang dibuat oleh PTJ demi menjaga kepentingan mutu dan kualiti penyampaian perkhidmatan.
- Hadiah dan Anugerah
 - Anugerah Kualiti Naib Canselor
 - Anugerah Tokoh Masyarakat
 - Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)
 - Anugerah Sukan
 - Hadiah Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK)
 - Hadiah ICT
 - Hadiah Penerbitan
 - Hadiah Persekitaran Berkualiti



UMP MEMPEROLEH STATUS AUTONOMI





UMP dianugerahkan status autonomi oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada 11 Ogos 2015 bagi membolehkan universiti bergerak dengan lebih berkesan dalam mencapai agenda kecemerlangan universiti. Penganugerahan status autonomi berkenaan telah disampaikan Menteri Pendidikan Tinggi, Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh kepada Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Mohd. Hilmey Mohd. Taib sempena Majlis Penganugerahan Autonomi Dan Aspirasi Universiti-Industri UMP di UMP Kampus Pekan pada 29 November 2015.

UMP telah diberikan Taklimat Pelaksanaan Autonomi di Universiti Awam pada 5 Oktober 2015 yang lalu bertempat di Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang dipengerusikan Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (IPTA), JPT yang mewakili Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Yang Berbahagia Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir.

Majlis Penyerahan Autonomi diberikan semasa daripada KPT telah bersetuju untuk membenarkan UMP melaksanakan autonomi dalam empat bidang iaitu Institusi Governan, Kewangan dan Penjanaaan Pendapatan, Sumber Manusia dan Pengurusan Akademik dan Kemasukan Pelajar.

Pemberian status berautonomi penuh ini merupakan antara pengupayaan utama transformasi pendidikan tinggi pada hari ini. Agenda ini merupakan antara komitmen kerajaan untuk menjadikan universiti di negara ini lebih kompetitif. Konsep pemberian status autonomi yang diberikan bermaksud UMP dapat membuktikan keupayaannya memikul tanggungjawab dalam beberapa aspek tertentu dengan berintegriti dan berdaya maju yang membolehkan universiti bergerak dengan berkesan bagi mencapai agenda kecemerlangan.

Autonomi membawa maksud penurunan kuasa daripada Agensi Pusat kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dengan tujuan membolehkan universiti bergerak dengan berkesan mencapai agenda kecemerlangan. Autonomi juga merupakan prasyarat penting untuk mewujudkan persekitaran kampus yang dinamik melalui pengurusan institusi pengajian tinggi awam yang lebih berdaya saing berteraskan integriti dan akauntabiliti yang tinggi dan perlu dipatuhi oleh pihak pentadbiran universiti.

Empat bidang autonomi yang terlibat terdiri daripada Tadbir Urus Institusi, Tadbir Urus Kewangan, Tadbir Urus Sumber Manusia dan Tadbir Urus Akademik. Rujukan yang digunakan oleh universiti dalam usaha mendapatkan taraf universiti berautonomi adalah berdasarkan *Guide to Assessing Good Governance in Malaysia Universities* yang merangkumi Kod Panduan Amalan Tadbir Urus Terbaik (CUGG) yang merangkumi empat Bidang Keberhasilan Utama Universiti (KRA) dan Indeks Tadbir Urus Universiti Terbaik (UGGI) yang digunakan untuk membantu auditor dan institusi dalam menilai amalan tadbir urus secara sistematik seterusnya menilai kesiediaan universiti ke arah autonomi.

Penarafan Universiti

MALAYSIA GOVERNMENT PORTALS & WEBSITE ASSESSMENT (MGPWA)



PERINGKAT PENCAPAIAN



Penarafan ini dibuat bagi mengukur tahap kualiti perkhidmatan portal dan laman web yang disediakan kepada orang awam. Kriteria penilaian berdasarkan set kriteria yang ditetapkan dan dikemas kini dari semasa ke semasa.


QS UNIVERSITY RANKING: ASIA



- QS singkatan kepada 'Quacquarelli Symonds'.
- QS adalah sebuah organisasi bebas dalam industri pendidikan yang beroperasi dari pelbagai negara. QS bermatlamat untuk membolehkan potensi sesebuah organisasi diketengahkan melalui pencapaian pendidikan, mobiliti antarabangsa dan pembangunan kerjaya.
- QS *University Rankings: Asia* menggunakan sembilan petunjuk pengukuran, manakala bagi QS *World University Rankings* menggunakan enam petunjuk pengukuran.
- <http://www.qs.com/>

PERFORMANCE INDICATOR	2015
<i>Academic Reputation</i> (30%)	20.9
<i>Employer Reputation</i> (10%)	6.8
<i>Faculty Student Ratio</i> (20%)	54.1
<i>Citations Per Paper</i> (15%)	14.2
<i>Papers Per Faculty</i> (15%)	21.4
<i>International Faculty</i> (2.5%)	67.4
<i>International Students</i> (2.5%)	38.3
<i>Inbound Exchange Students</i> (2.5%)	2.9
<i>Outbound Exchange Students</i> (2.5%)	2.5
JUMLAH KESELURUHAN	27.4

QS ASIA UNIVERSITY RANKINGS METHODOLOGY



14 CRITERIAS

SECTION A: FACULTY LEVEL STAFF (5 sub-criteria)	SECTION B: STUDENTS-UNDERGRADUATE (9 sub-criteria)	SECTION C: STUDENTS - GRADUATE / POSTGRADUATE (8 sub-criteria)	SECTION D: STUDENTS – OVERALL (8 sub-criteria)	SECTION E: FINANCIAL (7 sub-criteria)	SECTION F: GRADUATE OUTPUT (4 sub-criteria)	SECTION G: RESEARCH (3 sub-criteria)
SECTION H: STUDENT SATISFACTION (2 sub-criteria)	SECTION I: INTERNATIONALISATION (5 sub-criteria)	SECTION J: INNOVATION AND KNOWLEDGE TRANSFER (3 sub-criteria)	SECTION K: THIRD MISSION (4 sub-criteria)	SECTION L: INFRASTRUCTURE (11 sub-criteria)	SECTION M: ADMISSIONS & ENTRY (2 sub-criteria)	SECTION N: TEACHING (4 sub-criteria)

©Wan Adew Wan Abdullahi

WEBOMETRICS



RANKING WEB OF UNIVERSITIES

PERINGKAT PENCAPAIAN



- Webometrics menggunakan aspek pembinaan kuantitatif dan sumber maklumat, struktur dan teknologi atas laman web.
- Ia bertujuan untuk mempromosikan laman web akademik, menyokong inisiatif capaian terbuka (*open access*) bagi meningkatkan pemindahan saintifik dan budaya pengetahuan daripada universiti kepada masyarakat.
- <http://www.webometrics.info/en/asia/malaysia%20>

PENCAPAIAN DALAM RANKING WEB OF REPOSITORIES

Ranking	Website Score	Website	Age	Visits	Open Date	Scholar
1	711	Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository	842	227	128	41
2	789	Universiti Sains Malaysia Institutional Repository	817	384	184	169
3	302	Universiti Putra Malaysia Institutional Repository	517	367	281	81
4	389	Universiti Malaysia Perlis Library Digital Repository	48	881	176	84
5	304	Universiti Kebangsaan Malaysia Institutional Repository	810	318	189	139
6	411	Universiti Islamiah Fukuoka Institutional Repository	779	563	878	317
7	415	Universiti Islamiah Fukuoka Institutional Repository	825	525	822	425
8	480	Universiti Malakka Research Repository	779	688	788	463
9	482	Universiti Tunku Abdul Razak Institutional Repository	718	638	838	417
10	140	Universiti of Alor Gajah Repository	95	968	170	479
11	347	Universiti Islam Malaysia Repository	788	782	788	518
12	814	Universiti Sains Malaysia Institutional Repository	4182	748	1877	298

Ranking Web of Repositories merupakan seksyen dalam Ranking Web of Universities (Webometrics). Web ini bertanggungjawab menyebarkan penerbitan akademik dan penyelidikan yang dihasilkan oleh sesebuah universiti melalui konsep perkongsian sumber. Pada tahun 2015, sistem UMPIR (*UMP Institutional Repositories*) berada dalam 10 teratas terbaik di Malaysia dengan menduduki tangga keenam.



GIVING TO UMP

MYGIFT

MyGift UMP adalah merupakan satu usaha mengumpul sumbangan daripada mana-mana pihak untuk digunakan bagi tujuan tajaan pelajaran dan peningkatan mutu pelajaran yang sedia ada di UMP demi masa depan para pelajar yang lebih cemerlang. *MyGift* UMP dapat memberi input yang positif demi masa depan UMP dalam memberi kemudahan prasarana kepada pelajar.

Pengurusan kewangan endowmen diuruskan oleh Jabatan Bendahari Universiti dengan menguatkuasakan semua peruntukan dan peraturan kewangan universiti. Pengurusan Universiti mewujudkan Lembaga Pemegang Amanah Dana Endowmen UMP selaku badan pengawal induk untuk pentadbir dana ini.

Pada permulaanya, satu jawatankuasa sementara telah ditubuhkan oleh UMP untuk mengurus dan membangunkan dasar *MyGift*. Hasil daripada siri perbincangan ini satu sistem pembayaran atau tatacara menderma serta portal *MyGift* juga telah berjaya dibangunkan pada penghujung Mei 2015. Pada Ogos 2015 dasar *MyGift* dan usaha pengumpulan dana telah dibengkelkan di The Royale Bintang, The Curve, Damansara. Pada 1 Oktober 2015 pentadbiran *MyGift* dipindahkan ke Jabatan Hal Ehwal Koporat & Kualiti (JHKK).

OBJEKTIF

- Penajaan biasiswa untuk pelajar dan hadiah kecemerlangan.
- Penajaan program-program universiti.
- Penajaan untuk membaik pulih serta meningkatkan prasarana universiti.
- Penajaan untuk Kursi Profesor.
- Penajaan untuk program berimpak tinggi dalam memupuk budaya ilmu di UMP.

JENIS ENDOWMEN DAN TABUNG

- Endowmen Kursi
- Endowmen Biasiswa Pelajar
- Endowmen Makmal/Kemudahan
- Tabung Ramadan
- Tabung Masjid
- Tabung Bencana
- Tabung Wakaf
- Tabung Komuniti
- Tabung Sumbangan Tidak Patuh Syariah

AKTIVITI PROMOSI DAN PEROLEHAN DANA MYGIFT

Penganjuran Program *Share and Win #MyGiftUMP*

Objektif adalah untuk memberi pengenalan dan mewujudkan kesedaran dalam kalangan warga UMP dan masyarakat setempat mengenai inisiatif *MyGift*. Melalui program ini pemenang akan menerima kupon makan bernilai RM10/sehari (makan tengah hari dan malam) selama 1 minggu (RM70/seminggu) daripada mana-mana kafe di dalam UMP (Kampus Gambang dan Pekan).

Penganjuran Program *RM10 for #MyGiftUMP*

Objektifnya adalah untuk mempromosi dan meningkatkan dana *MyGift* UMP. Program ini telah dianjurkan semasa Majlis Konvokesyen UMP yang diadakan pada Oktober 2015 yang lalu.

Penghantaran surat kepada individu dan syarikat yang berpotensi untuk mendapatkan sumbangan

UMP turut menghantar surat kepada syarikat, bank dan individu untuk tujuan mendapatkan sumbangan bagi tabung *MyGift* UMP.

Sumbangan dari staf UMP melalui potongan gaji.

Inisiatif untuk memberi kemudahan kepada staf UMP untuk menderma kepada tabung *MyGift*.

STATISTIK MENGIKUT JENIS TABUNG		STATISTIK MENGIKUT CARA PEMBAYARAN	
	RM		RM
Endowmen Pelajar	62,551.00	Tunai	950.00
Tabung Komuniti	15,010.00	Cek	124,001.00
Tabung Bencana	1,230.00	Perbankan Internet	4,297.00
Tabung Masjid	15,725.00	Potongan Gaji	705.00
Tabung Ramadan	20,347.00		
Tabung Wakaf	15,090.00		
JUMLAH TERKUMPUL	129,953.00	JUMLAH TERKUMPUL	129,953.00



12 adik beradik gembira menerima sumbangan dari UMP melalui 'Program Jejak Asnaf UMP



Mahasiswa UMP hulur bantuan kepada kanak-kanak mangsa Taufan Haiyan dan gelandangan



UMP Jejak Asnaf Serah Sumbangan Untuk Fakir Miskin




Peserta Latihan Kemahiran Empower ECER Iftar bersama warga UMP



Pembinaan Jaya Zira Sdn. Bhd. memberi sumbangan RM 50,001.00 kepada UMP

POST-BACCALAURETTE CERTIFICATE (PBC)



POST-BACCALAURETTE CERTIFICATE (PBC)
391 Graduan terlibat dalam program PBC bagi tahun 2014 dan 2015
131 orang (2014) | 260 orang (2015)

OBJEKTIF

- Memperkasa kecakapan pelajar dan kemahiran kerja.
- Meningkatkan kebolehpasaran pelajar.
- Menerapkan nilai-nilai profesionalisme pelajar.
- Mengaplikasikan ilmu-ilmu yang dipelajari ke dalam suasana pekerjaan sebenar.

55

INDUSTRI YANG TERLIBAT DALAM PROGRAM PBC
Sewa Tempatan (28) | SMEs (7) | MNCs (20)

216

PELAJAR YANG MENDAPAT PEKERJAAN DI BAWAH PBC
Tahun 2014 (34) | Tahun 2015 (180)

CGPA	3.00 ↑	2.70-2.99	2.50-2.69	2.50 ↓
Σ pelajar	37	60	47	21

FAKULTI	FKKSA	FKASA	FKEE	FKP	FKM	FIM	FIST	JUMLAH KESELURUHAN
2014	46	19	26	10	30	-	-	131
2015	31	61	70	15	46	16	21	260

Nota: 2014 Fikus ke Fakulti kejuruteraan sahaja. Manakala 2015 sambilan 2 fakulti yang mempunyai % GE yang rendah.



Karnival Industri & Kerjaya 2015 (u2i 2015)

Karnival Industri & Kerjaya 2015 (u2i 2015) diadakan bertujuan untuk menyediakan platform kepada pelajar untuk berkomunikasi dengan industri bagi mendapatkan pekerjaan dan membantu industri dalam memberikan maklumat tentang prospek pekerjaan kepada pelajar-pelajar. u2i 2015 dianjurkan UMP dengan kerjasama Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) melalui Sector Focus Career Fair (SFCF). Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang program seperti Pameran Kerjaya & *Coffee Talk* oleh industri dan Kuiz Kerjaya. Program ini diadakan di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 24 Mei 2015.

Bilangan Pelajar UMP Menghadiri u2i 2015 Mengikut Fakulti

FAKULTI									JUMLAH PELAJAR UMP	JUMLAH PENGUNJUNG LUAR	JUMLAH KESELU-RUHAN
FKM	FKP	FSKKP	FKEE	FKKSA	FKASA	FIM	FTEK	FIST			
232	41	230	125	450	258	137	134	213	1,820	365	2,185

Sebanyak 31 syarikat menyertai u2i 2015.

BIL.	NAMA SYARIKAT
1.	Favelle Favco Cranes (M) Sdn. Bhd.
2.	Renesas Semiconductor KL Sdn. Bhd.
3.	Texas Instruments.
4.	Plexus.
5.	Vitrox Corporation Berhad.
6.	Continental Automotive Components Malaysia Sdn. Bhd.
7.	DRB-Hicom Berhad.
8.	Mercedes-Benz Malaysia.
9.	MYVISTA.
10.	GEMS/UPSKILLING.
11.	Talent Corporation Malaysia Berhad.
12.	Aspiring Accountant Programme (AAP).
13.	Microsoft Malaysia.
14.	Ace Training Malaysia.
15.	T&J Solutions Sdn. Bhd.
16.	Starway Profesional.
17.	Jobstreet.Com.
18.	Gradmalaysia.Com.
19.	Careerbuilder.Com.My.
20.	Polyplastics Asia Pacific.
21.	AlloyMTD Group.
22.	Felda Global Ventures Holdings Berhad.
23.	Vacuumschmelze (M) Sdn. Bhd.

BIL.	NAMA SYARIKAT
24.	Hartalega Sdn. Bhd.
25.	IBM.
26.	Amcorp Group Berhad.
27.	Graduan.
28.	GTI Media Sdn. Bhd.
29.	TT Electronics.
30.	6 DIMENSI.
31.	Kerry Asia Pacific.

SENARAI INDUSTRI YANG MENGADAKAN SESI TEMU DUGA PELAJAR

- TT Electronics
- Continental Automotive Components Malaysia Sdn. Bhd.
- Polypastics Asia Pacific.
- Vitrox Corporation Berhad.
- Vacuumschmelze (M) Sdn. Bhd.

SENARAI INDUSTRI YANG MENGADAKAN CAREER TALK/COFFEE TALK

- Mercedes-Benz Malaysia.
- Renesas Semiconductor Semiconductor KL Sdn. Bhd.
- IBM.
- Keysight Technologies.
- Hartalega Sdn. Bhd.

Aktiviti Dakwah dan Pembangunan Insan

BIL.	TARIKH	PROGRAM	JEMPUTAN / PENGISIAN
1.	21 Januari 2015	Sambutan Maulidur Rasul 1436H	Ustaz Syed Abdul Qader al-Jofree (Selebriti TV Al-Hijrah & TV 9).
2.	9 hingga 14 Mac 2015	Karnival Mahabbah	Ustaz Don Daniyal Don Biyajid Imam Muda Hizbur. Roslan Madun (penyanyi ghazal). Kumpulan Raihan.
3.	27 April 2015	Dialog Perundangan Berkaitan Amalan Sihir	Perbincangan tentang amalan sihir dari sudut perundangan, pengkanunan dan penguatkuasaan.
4.	19 Mei 2015	Dialog Israk & Mikraj	Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor (Angkasawan Negera).

BIL.	TARIKH	PROGRAM	JEMPUTAN / PENGISIAN
5.	23 Mei 2015	<i>Ladies Day</i>	Ustazah Laila Aniza (Ustazah selebriti TV9). Diana Amir (Selebriti).
6.	18 Jun hingga 12 Julai	Festival Ramadan	Tadarus Quran, Iftar Jama'i'e, Diskusi Nuzul Quran, Jejak Asnaf dan Bubur Lambuk Komuniti.
7.	25 hingga 27 Ogos	Seminar Baitul Muslim	Asyraf Muslim (selebriti) Ustaz Zamri Mantop Ustaz Halim Hafiz (Penasihat IM4U)
8.	13 hingga 18 Oktober	Karnival Mahabbah 2.0	Ustaz Kazim Elias. Ustazah Nor Bahiyah dan Ustaz. Wan Akasyah. Ustaz Don Daniyal Don Biyajid. Nasir Bilal Khan Adam AF Kumpulan INTEAM



Sambutan Maulidur Rasul

Sempena Maulidur Rasul 1436H, Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) mengadakan Sambutan Maulidur Rasul peringkat UMP yang melibatkan 20 kontinjen dari semua fakulti dan jabatan UMP.

Hari Terbuka UMP

Sempena Hari Terbuka UMP, PIMPIN mengadakan Karnival Mahabbah dengan kerjasama TV Al-Hijrah dan Pahang FM. Program ini membawakan pelbagai pengisian yang mendidik jiwa, antaranya adalah Rakaman 30 minit bersama ustaz Don Daniyal dan program *Ride for Ukhwah* di Kampung Sekara, Chenor, iaitu geng motosikal pelajar bersama-sama membantu membersihkan kawasan yang telah dilanda banjir dan memberi sumbangan kepada penduduk kampung. Program-program lain adalah Forum Mahasiswa, Bicara Alam Metafizik, Konsert Malam Cinta Ilahi bersama Raihan dan banyak lagi.



Program Dialog

Dialog Perundangan Berkaitan Amalan Sihir telah dijalankan di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Dialog Israk Mikraj pula telah diadakan sempena sambutan Israk & Mikraj yang mana menampilkan angkasawan negara iaitu Dato' Sheikh Muszadhfar Shukor yang mana menceritakan tentang pengalaman beliau berada di angkasa dan juga panel jempunan lain yang mengupas dari sudut agama dan sains.

Program Ladies Day

Program *Ladies Day* adalah program khas kepada staf dan mahasiswi UMP. Program ini membincangkan tentang hal-hal wanita seperti fiqh wanita, fesyen Muslimah, pertandingan busana Muslimah dan juga jempunan khas Diana Amir, seorang selebriti bagi berkongsi penghijrahan beliau.

Festival Ramadan 1436H

Sempena bulan Ramadan al-mubarak, PIMPIN mengadakan Festival Ramadan 1436H. Antara program yang dijalankan adalah Diskusi Ambang Ramadan, Tadarus al-Quran, Iftar Jama'ie dan Diskusi Nuzul Quran. Program yang turut diadakan adalah Jejak Asnaf yang mana bekerjasama persatuan Matahari UMP memberi sumbangan kepada masyarakat yang memerlukan dan juga program Bubur Lambuk Komuniti yang dijalankan di Masjid Sultan Ahmad Shah, Kuantan. Program ini adalah edaran bubur lambuk sebanyak 3,000 bungkus yang turut sama diedarkan oleh Adun Panching, Yang Berhormat Mohd Zaili bin Besar.

Seminar Baitul Muslim

Seminar Baitul Muslim adalah program yang mengupas tentang hal-hal kekeluargaan kepada staf UMP dan orang luar. Antara tajuk yang dikupas adalah mengenai suami isteri, anak-anak, pengurusan kewangan, pengurusan kerjaya, dan poligami menurut konsep sebenar dalam Islam.



Karnival Mahabbah 2.0

Karnival Mahabbah 2.0 diadakan bersempena Konvokesyen UMP. Antara aktiviti yang dijalankan adalah program memasak bubur Asyura, rakaman 30 minit bersama TV Al-Hijrah, Bicara Santai bersama Adam AF, Dikir Zikir bersama Nasir Bilal Khan, Diskusi Ilmiah tentang histeri, Kalau Dah Jodoh bersama Ustaz Kazim, *Ladies Moment Special* bersama Ainan Tasneem, Semanis Kurma bersama Ustazah Siti Norbahiyah dan suaminya, dan konsert Cinta Ilahi bersama INTEAM.

Anda Tanya Ustaz Jawab, *Ladies Moment* dan Jom Lepak @ Masjid

Selain itu, PIMPIN juga membuat program bersiri iaitu Anda Tanya Ustaz Jawab, *Ladies Moment*, Jom Lepak @ Masjid dan juga program kerjasama dengan Bahagian Latihan dan Pengembangan Kompetensi (BLPK). Semoga usaha berterusan ini dapat membantu visi UMP ke arah universiti teknikal bertaraf dunia yang melahirkan insan yang berkualiti seiring dengan kekuatan insaniah dalam diri.